

46
Jilid I
Bil. 1



Hari Selasa
4hb November, 1975

LAPURAN PERSIDANGAN OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT
FOURTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KEDUA
Second Session

MESYUARAT YANG KETIGA
Third Meeting

Jilid I
Bil. 1



Hari Selasa
4hb November, 1975

LAPURAN PERSIDANGAN
OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT
FOURTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KEDUA
Second Session

MESYUARAT YANG KETIGA
Third Meeting

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUAN SPEAKER [2]
MEMBENTANGKAN RISALAT-RISALAT [2]
JAWAPAN-JAWAPAN MULUT KEPADA SOALAN-SOALAN [2]
JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN-SOALAN [35]
RANG UNDANG-UNDANG [80]

PULAU PINANG

DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEEMPAT

Laporan Persidangan

PENGGAL YANG KEDUA

MESYUARAT YANG KETIGA

Hari Selasa 4hb November, 1975

HAZIR :

Yang Berhormat Tuan Speaker (Datuk Harun bin Sirat, D.M.P.N.)

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr Lim Chong Eu)

Yang Berhormat Penasihat Undang-undang (Encik Mohd. Noor bin Ahmad, P.U.P.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah,
D.M.P.N., A.M.N., J.P.)

“ “ Kawasan Kampung Kolam (Encik Khoo Kay Por, J.M.N.,
J.P.)

“ “ Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman,
A.M.N., P.J.K.)

“ “ Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohamad Noor bin
Haji Bakar, P.P.N., J.P.)

“ “ Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong,
A.M.N.)

“ “ Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Ngak Seng *alias*
Khor Gark Kim)

“ “ Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh
alias Mat Noor, P.J.K.)

“ “ Kawasan Bukit Glugor (Encik Tan Gim Hwa, J.M.N.)

“ “ Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali,
P.J.K.)

“ “ Kawasan Paya Terubong (Encik Khoo Teng Chye)

“ “ Kawasan Sungai Pinang (Encik Wong Choong Woh, J.P.)

“ “ Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed, P.P.N.)

“ “ Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul
Razak, P.P.N.)

“ “ Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah)

“ “ Kawasan Sungai Nibong (Dr Choong Sim Poey)

“ “ Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahya bin Haji Mohamed
Yusoff, P.J.K.)

“ “ Kawasan Tasek Glugor (Encik Samsuddin *alias* Md. Noor
bin Ahmad, P.J.K.)

Yang Berhormat Ahli	Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh, A.M.N.)
"	" Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee)
"	" Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun)
"	" Kawasan Bukit Tambun (Encik Ong Bok Chuan <i>alias</i> Ng Swee Ching, A.M.N., P.J.K.)
"	" Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How)
"	" Kawasan Pengkalan Kota (Encik C. Y. Choy)

TIDAK HAZIR:

Yang Berhormat Ahli	Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim, D.M.P.N.)
"	" Kawasan Sungai Bakap (Encik S.P. Chelliah, J.P.)

TURUT HAZIR:

Setiausaha, Dewan Undangan Negeri (Encik Lee Thin Pee, P.K.T., P.J.K., P.T.D.)

Dewan bersidang pada jam 9.30 pagi.

1. DOA.

PENGUMUMAN TUAN SPEAKER.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ada dua pengumuman kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum Dewan ini meneruskan urusannya, saya ingin meminta para hadirin sekalian berdiri serta bertafakur selama seminit sebagai hormat kepada bekas Gabenor kita, Allahyarham Tun Datuk Syed Sheh bin Syed Hassan Barakbah, S.M.N., S.S.M., D.U.P.N., S.P.M.K., P.S.B., yang telah meninggal dunia pada 8hb Oktober, 1975.

(Semua yang hadir berdiri dan bertafakur selama seminit).

Ahli-ahli Yang Berhormat, di sini saya juga ingin memaklumkan bahawa Yang Berhormat Datuk Teh Ewe Lim telah bertolak ke Kuala Lumpur untuk mengahziri Persidangan Raja-raja sebagai Wakil Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Oleh itu, beliau tidak dapat mengahziri Mesyuarat Dewan Undangan Negeri ini. Juga, Yang Berhormat Encik S. P. Chelliah kini sedang mengahziri Persidangan Persatuan Parlimen Komanwel Yang Ke 21 yang diadakan di New Delhi. Saya telah memberi kebenaran bercuti kepada mereka berdua dari mengahziri Mesyuarat ini.

Sekian. Sekarang bolehlah kita teruskan dengan urusan-urusan Dewan ini.

2. MEMBENTANGKAN RISALAT-RISALAT.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya mohon membentangkan di atas meja Dewan Kertas-kertas Bilangan 13 hingga 15 tahun 1975 seperti yang tersenarai dalam Susunan Urusan Mesyuarat.

3 (A). JAWAPAN-JAWAPAN MULUT KEPADA SOALAN-SOALAN.

(I). Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How) bertanya kepada Ketua Menteri:

Soalan yang pertama, Datuk Speaker.

1. Memandangkan bahawa Jalan Raja Uda, Butterworth, telah menjadi salah satu jalan yang sesak di dalam Negeri kita dan juga apabila tiba musim hujan selalunya banjir berlaku di kedua-dua belah jalan. Ini mendatangkan bahaya kepada orang ramai yang menggunakan jalan ini. Apakah rancangan Kerajaan untuk memperbaiki keadaan jalan tersebut?

(1. In view of the fact that Jalan Raja Uda, Butterworth, has become one of the busiest roads in our State and also that both sides of the roads have always been flooded during the rainy season, making it dangerous for the public to use the road, what plans does the Government have to improve the road?)

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, bagi menjawab soalan yang pertama, Jabatan Kerja Raya ada rancangan untuk membina satu lorong

basikal dan juga satu lorong kaki di sepanjang Jalan Raja Uda dan ini diharapkan akan dapat meringankan masalah kesesakan lalu lintas di jalan tersebut.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan tambahan, Datuk Speaker.

Pada bulan dahulu saya mendapat tahu iaitu di sebuah sekolah di Jalan Raja Uda, Jabatan Kerja Raya hendak buat *zebra crossing* di hadapan sekolah itu. Sekolah itu mempunyai lebihkurang 2,600 murid-murid. Adakah rancangan ini diberi pertimbangan oleh Kerajaan?

Tuan Speaker: Yang Berhormat, nampaknya itu soalan lain. Saya tidak benarkan. Soalan yang asal berlainan bunyinya dan ini soalan lain pula. Saya tidak benarkan soalan itu.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan ini berkenaan membaiki jalan-jalan. *Zebra crossing* ialah satu rancangan untuk membaiki keadaan jalan itu. Betulkah, Datuk Speaker? Dalam soalan ini saya bertanya, apakah rancangan yang Kerajaan telah buat untuk membaiki jalan itu? Ini ialah satu soalan tambahan.

Tuan Speaker: Yang Berhormat, sila pendekkan soalan itu. Saya tidak benarkan buat satu cerita walaupun apa kehendak soalan itu.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Dalam soalan tambahan, Datuk Speaker, saya bertanya adakah Jabatan Kerja Raya memberi satu cadangan kepada *State Authority* untuk menimbangankan membuat *zebra crossing* di hadapan sebuah sekolah di Jalan Raja Uda?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, apa-apa rancangan yang dicadangkan oleh J.K.R., saya sudahpun menjawab. Kalau saya tidak sebut, maknanya tidak ada.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan tambahan: Bolehkah Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Bayan Lepas bertanya Jabatan

Kerja Raya di Butterworth atau di dalam Negeri ini dalam satu mesyuarat yang diadakan dengan wakil-wakil sekolah samada ada apa-apa pelan berkenaan membaiki jalan di hadapan sekolah itu?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Perkara ini bolehlah dipertimbangkan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Terima kasih. Soalan tambahan, Datuk Speaker, dengan izin: It will be much simpler if I can speak in English.

There are no drains at both sides of the road and usually when it is raining, because the water from the (*gangguan*).

Tuan Speaker: Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat alihkan soalan itu saya nampak soalan itu asalpun soalan itu juga. Tidak payah diulang-ulangkan lagi. Beliau sudahpun sebut di sini. Apa Yang Berhormat hendak soal, tanya sahajalah dan jangan ulangkan soalan itu sekali lagi.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan tambahan: Bolehkah Kerajaan buat dua parit di kedua-dua belah jalan itu? On both sides of the road, can you construct drains? I must explain the situation so that they can understand. There is a big drain flowing away from the road. Can we construct drains to direct water from Jalan Raja Uda into the big drain that is bounded by the two roads, Bagan Jermal and Raja Uda?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, sebenarnya Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Bagan Jermal telahpun buat satu soalan berkenaan soalan yang kedua. Kalau Yang Berhormat bertanya soalan yang kedua, saya boleh jawab.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Boleh, Soalan yang kedua, Datuk Speaker.

- Adakah Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk membina parit-parit di kedua-dua belah Jalan Raja Uda, Butterworth untuk mencegah jalan itu dari banjir semasa

musim hujan? Jika jawapannya ya, bolehkah Kerajaan menggariskan tentang rancangan-rancangannya kepada Dewan ini?

- (2. Does the Government have any plan to construct the drains on both sides of Jalan Raja Uda, Butterworth to prevent the road from being flooded during the rainy season? If the answer in yes, will the Government outline the plans to this House?)

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, Jabatan Parit dan Taliair sekarang sedang mengkaji tentang kemungkinannya menjalankan kerja-kerja penyaluran Sungai Nyior untuk mencegah air kotor mengalir dari parit konkrit yang ada sekarang ke bahagian barat Jalan Raja Uda dan dengan cara memperuntukkan satu saluran melalui Sungai Mak Mandin, Jabatan Parit dan Taliair juga sedang menyiasat dan merancang untuk memperbaiki sistem pengaliran akibat pembangunan perumahan dan bandar di sepanjang Jalan Raja Uda.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan tambahan, Datuk Speaker.

Saya suka hendak bertanya apakah rancangan yang Kerajaan telah buat mengenai parit di Jalan Raja Uda? Adakah rancangan itu pada tahun hadapan?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, saya sudahpun jawab berkenaan dengan ini sekejap tadi.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan yang ketiga.

3. Memandangkan bahawa banyak parit-parit di sepanjang Jalan Sungai Puyu, Bagan Ajam, Bagan Jermal dan Telaga Ayer, Butterworth, adalah dalam keadaan buruk dan tidak berguna lagi sejak Kerajaan memulakan kerja-kerja memasang paip Rancangan Muda, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki keadaan ini?

- (3. In view of the fact that many drains along Jalan Sungai Puyu, Bagan Ajam, Bagan Jermal and Telaga Ayer, Butterworth, have become unserviceable since the time the Government started work on pipe laying of Muda Scheme, what action does the Government take to improve the situation?)

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, parit-parit tanah di tepi jalan dan di sepanjang Sungai Puyu telah digredkan semula dan kini adalah dalam keadaan yang memuaskan. Parit-parit di tepi jalan dan di sepanjang Bagan Ajam, Bagan Jermal dan Telaga Ayer di Butterworth tidak terlibat oleh kerja pemasangan paip Rancangan Muda itu.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan yang keempat.

4. Apakah rancangan Kerajaan untuk memperbaiki kemudahan asas Kampung Simpah, Butterworth, di mana tidak ada sebarang jalan, lampu jalan, parit dan bekalan air minum yang sesuai?

- (4. What plans does the Government work out to improve the basic amenities of Kampung Simpah, Butterworth, where there is no proper road, no street light, no proper drains and no supply of drinking water?)

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, keadaan adalah sama seperti dalam bulan April tahun sudah, di mana Ahli Yang Berhormat daripada Kawasan Bagan Jermal sendiri telah mengemukakan soalan yang sama. Di sini Datuk Speaker, saya ingin memetik jawapan yang telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri pada masa itu. Jawapannya adalah berbunyi seperti berikut:

"Masalah memperbaiki jalan-jalan, parit-parit dan sistem pembersihan di Kampung Simpah adalah suatu masalah yang lama dan rumit. Kawasan yang terlibat mengandungi lebih-kurang 130 ekar tanah yang telah diberi untuk pembangunan kawasan itu tidak mengikut susunan yang teratur dan pemilik-pemilik tanah dan pemilik-pemilik bangunan telah tidak mematuhi kehendak-kehendak pembangunan yang sewajarnya.

Walau bagaimanapun, sebelum apa peruntukan dibuat, Kerajaan perlu menjalankan penyiasatan dan kajian melalui Jawatankuasa Perancang dan Kawalan Pembangunan Negeri bagi menentukan peringkat-peringkat tanggungjawab bagi membangunkan dan memperbaiki kawasan itu."

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, soalan tambahan dengan izin: I remember the reply the Honourable the Chief Minister gave in this House was that he was going to carry on a study of this project—a study by the State Planning and Control Committee for the improvement of this kampung. That was the reply one year ago, and here I am asking what plans has the Government worked out after one year for the improvement of this kampung which is more than 30 acres—30 acres being only one part of it. What plans have been worked out? It is no good to dump in the reply I have got one year ago, when Honourable Chief Minister said that he was going to study the project and refer to the State Planning and Control Committee for the study. Now, I am asking what kind of study has been achieved? I will try to put it a little bit more clearly. The reply at that time was that there was going to be a study. That was one year ago. And one year later, I am asking what is the result of the study. What plans have resulted from the studies for the improvement of the kampung? This is a different question *altogether*.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, sebenarnya perkara ini sedang dikaji oleh Jawatankuasa Perancang dan Kawalan Pembangunan Negeri dan Jawatankuasa Perancang ini hanya ditubuhkan selepas Rang Undang-undang Perancang Bandar diluluskan oleh Parlimen tidak lama lagi.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, can the Government consider allocating an amount something like \$20,000 to be entrusted to the District Officer and the Officers in the Butterworth District Office to meet the immediate requirements of the people in the kampung for the improvement of roads, street lamps, drains and so on? Can the Government just allocate about \$20,000? That will go a long way to improve the roads and drains and this amount is to be entrusted to the Officers of the District Office in Butterworth.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Jermal. Soalan itu saya tidak benarkan oleh sebab Yang Berhormat dari Kawasan Bayan Lepas telah menjawab.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Inilah satu yang saya cakap "red tape". You refer here, there and the football is being kicked here and kicked there. There is something behind it.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat saya harap janganlah *argue* dengan saya. Saya telah beri keputusan saya.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): I am making a comment on the efforts of the Government which is creating "red tapes" in the Free Trade Areas and so on.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat saya bagi ingat janganlah sebutkan perkara-perkara yang tidak sangkut dengan perkara ini dan saya tidak benarkan. Sekarang Yang Berhormat hendak tanya bolehlah tanya.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan tambahan, saya hendak tanya bolehkah Kerajaan pertimbangan untuk memberi wang sebanyak \$20,000 untuk Pegawai Daerah Butterworth for the improvement of this kampung?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, itu adalah soal lain.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): It is a straight-forward question. It is for the improvement of that kampung. Boleh pertimbangan atau tidak boleh pertimbangan? Kalau tidak boleh pertimbangan cakap tidak boleh. Sudah habis. Kalau boleh pertimbangan, lain kali mari ke sini boleh jawab sekali kita boleh bagi \$10,000, \$8,000 atau \$2,000. Bolehkah atau tidak boleh pertimbangan? Can consider or cannot consider or will not consider at all?

Tuan Speaker: Itu soalan yang kedua kali Yang Berhormat bertanya.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Sebab dia tidak mahu jawab.

Tuan Speaker: Saya tidak benarkan menjawab soalan itu.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, saya belumlah mendapat jawapan lagi. Sebagai Wakil Rakyat untuk kampung itu, rakyat di dalam kampung itu mintalah saya di dalam Dewan ini tanyakan soalan. Saya cuma mahu tanya soalan itu dan mendapat satu jawapan, dan dengan itu saya boleh balik ke kampung sana dan memberitahu kepada orangramai di sana jawapan itu adalah jawapan ini. Tetapi sekarang saya tidak mendapat satu jawapan lagi.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Sudah jawab.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tidak ada jawapan boleh pertimbang. Can consider, cannot consider or will not consider? The reply is easy.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya minta izin bertanya dalam bahasa Inggeris.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Are you asking a supplementary question as the Chief Minister to your Exco? This is a very unusual step—a Chief Minister asking a supplementary question.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat, saya harap sila duduk.

Ketua Menteri: Soalan tambahan saya berbangkit daripada soalan tambahan Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Jermal. Bolehkah Yang Berhormat rakan saya menjawab dan saya mintalah izin jawab soalan saya di dalam bahasa Inggeris.

Is it not a fact that the Honourable representative for the people of Bagan Jermal confuses the people very much more by the very question that he raises because electricity comes under the Federal Government Departments, and roads and drains come under the State Water Authority and the question of providing road-side reticulation drains is under the Local Authority? For that reason the study takes a long time.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Are you going to reply or are you asking a question? You are trying to confuse the House. You are telling me to confuse the House. You are asking a question to confuse this House. So you are playing the football in the House as the Chief Minister. This is a very unusual step for a Chief Minister to take.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat, silalah tanya soalan yang lain.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): I have not finished this soalan tambahan yet. *Because* saya tentu mahu mendapat satu jawapan. Kerajaan boleh pertimbangkan.

Tuan Speaker: Yang Berhormat, Dewan ini sudah mendengar akan jawapan yang telah diberi oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Dewan sudah puas hati kerana ada tiga, empat pejabat tentu mengambil masa untuk menunaikan apa-apa yang diminta oleh Ahli dari Kawasan Bagan Jermal tadi. Oleh itu saya tak benar lagi soalan tadi.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri ada tanya soalan tambahan. Beliau ada tunggu di sini untuk mendapat satu jawapan. Sayapun mahu tahu apa jawabannya. Dia mahu confuse the House. Apa football dia main di sini in the House?

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat Encik Ong Yi How.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Saya belum dapat jawapan kepada soalan ini.

Tuan Speaker: Y.A.B. sudah memberi jawapan tadi.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Dengan izin: The question put by the Honourable the Chief Minister has not been answered.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): That was what I was trying to say.

Tuan Speaker: Itu bukan soalan, itu jawapan saja. Dia sahaja hendak tengok.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Macam ini bodohlah. Dia tanya satu soalan tambahan tadi. I do not know what to say. This is a very unusual step.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, sebagaimana yang telah dikatakan tadi, perkara ini semua akan disiasat dan dikajikan oleh Jawatan-kuasa Perancang dan Kawalan Pembangunan Negeri. Saya sudah jawab tadi. Ini termasuklah cadangan yang saya sebutkan tadi.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan tambahan, dengan izin: Has an emergency fund of \$20,000 been entrusted to the District Officers for the improvement of this kampung out of the Head under the Community Development in the Development Budget? This is what I am trying to ask. Now, I am bringing in the Community Development for which we have provision under the Development Budget. Can we provide that little bit of money? This is only 0.1% of the Kompleks Angkasa Perdana. Boleh pertimbang atau tidak boleh pertimbang?

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat dari Bagan Jermal, saya minta janganlah buang masa kerana Yang Berhormat bertanya berulang-ulang berkenaan perkara itu. Saya tidak benarkan lagi.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, saya ulang sebab saya belum dapat jawapan lagi, jadi saya tidak boleh balik cakap kepada orang ramai di sana.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat dari Bagan Jermal, perkara itu sudah di jawab oleh Ahli Yang Berhormat Bayan Lepas tadi dan tidak mahu dengan soalan itu lagi.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Cakap sahaja boleh pertimbang atau tidak boleh pertimbang? Out of the Community Development Fund under the Development Budget, provide a sum of \$20,000 for the improvement of the basic amenities of that kampung. Ini belum dapat jawapan lagi. Sebab itu saya tak boleh balik ke kampung itu.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat dari Bayan Lepas sudah jawab perkara itu akan diambil. Oleh itu saya tidak benarkan perkara itu lagi.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan yang kelima.

5. Bolehkah Kerajaan mendesak L.P.K.T. Seberang Perai supaya memperuntukkan kemudahan-kemudahan mengutip sampah di sepanjang pantai-pantai di Kampung Gajah, Bagan Jermal dan Bagan Ajam untuk mencegah laut dari pencemaran di Butterworth?
- (5. Will the Government urge the Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai, to provide rubbish collecting facilities along the Beach in Kampong Gajah, Bagan Jermal and Bagan Ajam so as to prevent sea pollution in Butterworth?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, kemudahan-kemudahan ini telah pun disediakan oleh Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Seberang Perai.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan tambahan: Mana tong-tong sampah yang installed along the beach? I have not seen them myself. Boleh beritahu berapa banyak tong-tong sampah ada dibuat di pantai itu?

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, apa Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Jermal tidak nampak bukan soalan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tetapi dalam soalan tambahan saya tanya ada berapa tong-tong sampah.

I am asking this question referring to L.P.K.T. It is very clearly written here. I hope the Honourable Member from Ayer Itam will read carefully. The original question is: "Will the Government urge the Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai, to provide rubbish collecting facilities, etc." Now the Honourable the Chief Minister has replied that it has already been provided and I am asking the soalan tambahan: How many rubbish collecting tongs have been provided for that place? It refers to the L.P.K.T., I know. That is why I asked the question referring to the L.P.K.T.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, jawapan saya sudah penuh sebab itu Kerajaan Negeri tidaklah payah meminta dengan Lembaga.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan yang keenam.

6. Bolehkah Kerajaan melalui Ajensi-ajensinya menubuhkan satu Jawatankuasa untuk menyiasat berbagai-bagai masalah yang dihadapi oleh ramai pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana di dalam Negeri kita, khususnya di Butterworth yang sedang menjalankan perniagaan mereka di rumah-rumah kediaman yang diperbuat daripada atap dan kayu; serta untuk mencari jalan bagi membantu mereka dalam memajukan lagi perniagaan mereka?

(6. Will the Government through its Agencies set up a Committee to look into various problems faced by many small and medium industrialists in our State, particularly in Butterworth who are operating their business in attic and wooden residential houses; and to find ways and means to help them promoting their business?)

Ketua Menteri: Ya.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan tambahan, Datuk Speaker, dengan izin: The answer is "Yes". Will the Honourable the Chief Minister tell the House who is the Chairman and the Members of the Committee?

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya tidak nampak bagaimana soalan tambahan dibangkit selepas jawapan saya yang pendek sekali 'Ya'.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, the original question was: Will the Government, through its Agencies, set up a Committee to look into various problems? Now, the answer is "Yes". That means there is a Committee or the Government has set up a Committee. So I am asking what is the name of the Chairman of the Committee and the name of the members. It is a very reasonable question unless the Honourable the Chief Minister tries to bluff the House that there is no such Committee.

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Bagan Jermal, Y.A.B. Ketua Menteri telah menjawab. Itu soalan lain juga, saya tidak benarkan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Ada satu Committee dan saya ada bertanya soalan berkenaan dengan satu Jawatankuasa. Jawapan dari Y.A.B. Ketua Menteri bercakap ada satu Committee dan ada satu Jawatankuasa. Sekarang saya mahu tanya nama Pengerusi bagi Jawatankuasa itu jika-lau ada Jawatankuasa itu. Oleh itu Y.A.B. Ketua Menteri boleh tahu nama Pengerusi itu. Ini simple question. Now, he said there is a special Committee. I am asking for the name of the Chairman of the Committee and its members. (*gangguan*). This is not the way to conduct a meeting in this House—somebody sitting down at the back shouting or murmuring something which I cannot hear. If they want to talk, please stand up.

Saya mahu tanya adakah satu Committee? Ini satu jawapan tetapi berkenaan Jawatankuasa itu saya tanya siapa nama Pengerusi bagi Jawatankuasa itu. It is very simple.

If there is a Committee there must be a Chairman. At least you know the name of the Chairman of the Committee, otherwise there is no such Committee.

Tuan Speaker: Oleh sebab jawapan yang diberi oleh Y.A.B. Ketua Menteri ialah 'Ya', eloklah kita sendiri menyiasat siapa Pengerusinya; tidak payahlah membuang masa kerana perkara-perkara kecil sahaja.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan yang ketujuh.

7. Memandangkan kepada bertambahnya keperluan bilik-bilik darjah di semua Sekolah-sekolah Rendah Cina di Pulau Pinang, khususnya di daerah-daerah luarbandar di mana mereka tidak dapat mengumpulkan wang tabung persekolahan samada daripada orangramai ataupun dari Kementerian Pelajaran, bolehkah Kerajaan Negeri menimbangkan, dengan kerjasama Kementerian yang berkenaan, menubuhkan satu tabung untuk membantu memajukan sekolah-sekolah ini?

(7. In view of the growing need of teaching classrooms in all the Chinese Primary Schools in Penang, especially in rural districts where they are unable to raise funds either from the Public or from the Ministry of Education, will the State

Government consider, in co-ordination with the Ministry concerned, setting up a fund to help develop these schools?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, pelajaran adalah satu tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Mereka-mereka yang bertujuan memajukan Sekolah-sekolah Rendah Cina boleh secara langsung menyelaraskan aktiviti-aktiviti mereka dengan Kementerian Pelajaran.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan tambahan. Kita ada dapat tahu—saya ingat Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Bungah boleh tahu—ada dua sekolah di Daerah Tanjung Bungah yang susah sekali mendapat bantuan daripada Kerajaan Persekutuan. Inilah saya ada mendapat tahu dari Ahli Yang Berhormat Tanjung Bungah mahu tolong dua sekolah itu. Tetapi mengikut Federal Constitution 152 of our State—saya minta izin baca dalam bahasa Inggeris:

“Nothing in this Clause shall prejudice the right of the Federal Government or of any State Government to preserve and sustain the use and study of the language of any other community in the Federation.”

It means that the State can also sustain and also promote the study of any language. The *soalan tambahan* I would like to ask the Honourable the Chief Minister is: In view of the fact that these schools are in difficulty of getting aids from orangramai dan Kerajaan Persekutuan, bolehkah Kerajaan Negeri kita tolong sekolah-sekolah yang susah ini. Kitapun tahu trade and industry are the responsibilities of the Ministry of Trade and Industry, but the State Government has dumped in a lot of money to promote a lot of trade and industry in our State. So education is also a problem of the Federal Government but I think the State also can do something about helping these schools in our State especially those schools which cannot obtain funds from the Federal Government or the public. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri pertimbangkan bagi ini wang bagi tolong sekolah-sekolah susah?

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Bagan Jermal, Yang Amat Berhormat telah menjawab mengenai pelajaran ialah tanggungan daripada Kerajaan Pusat. Apa-apa rancangan yang hendak dibuat semuanya diberi oleh Kerajaan Pusat.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): But the supplementary question is again similar to that of Kampong Simpah. Can the Government consider providing a certain amount of funds for the State to help these poor schools who cannot get help elsewhere? *Timbang sahaja*. I want to ask whether the Government will consider or will not consider.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya tidak ada jawab soalan tambahan sebab soalan tambahan tidak berbangkit. Sungguhpun Yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Bagan Jermal ingat beliau pandai dalam Perlembagaan dan membaca 152, saya mintalah Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal bacalah 93.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, we are conducting the business in this Assembly. It is not good for character assassination like referring to “this man is a clever monkey” and so on (*ketawa*). This is a character assassination. We are not going to start that here again.

Tuan Speaker: Yang Berhormat, saya tidak dengar Yang Amat Berhormat kata *monkey*.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): But he is saying we are trying to be too clever and things like that. This is a character assassination and if I do not protest now he will go on afterwards.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya minta izin, saya mintalah *apology* sebab saya tidak panggil Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal *monkey*, tetapi kalau Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal ingat hendak menjadi seekor monyet bolehlah kita terima.

Tuan Speaker: Tolong tarik balik perkataan *monkey* tadi.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Yes, I tarik balik the word "monkey" but I hope we conduct the business with all seriousness in this House and don't start off with character assassination by saying "You are a small man", or something like that or "You are trying to be clever", and so on.

Soalan kelapan.

8. Sudahkah Kerajaan memutuskan kira-kira Pesta Pulau Pinang bagi tahun 1974 dan jika sudah, bolehkah Kerajaan memberitahu Dewan ini apakah sumbangan Kerajaan, Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Pulau Pinang atau bekas Majlis Bandaran yang sebenarnya yang telah diberi kepada Pesta Pulau Pinang? Sila memberitahu Dewan ini juga samada Pesta Pulau Pinang dalam tahun 1974 telah memperolehi keuntungan atau mengalami kerugian dan apakah jumlah keuntungan atau kerugian itu?

(8. Has the Government finalised the account for Pesta Pulau Pinang for the year of 1974 and if so, will the Government tell this House what is the actual contribution the Government and Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Pulau Pinang or former City Council made to the Pesta Pulau Pinang? Please also tell the House whether the Pesta Pulau Pinang in 1974 is making profit or loss as a whole and what is the amount of profit or loss?)

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Khoo Kay Por): Datuk Yang Dipertua, Pesta Pulau Pinang tahun 1974 telah memutuskan kira-kiranya.

Kerajaan Negeri telah meluluskan satu pemberian sebanyak \$264,000 kepada Jawatankuasa Pesta Pulau Pinang 1974 untuk menganjurkan acara-acara Pesta. Tidak ada sumbangan wang daripada Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Pulau Pinang.

Pesta Pulau Pinang tidak dijalankan atas dasar Perdagangan. Objektif-objektif utamanya ialah untuk memperkembangkan kemajuan Pelancungan Wilayah dan untuk memberi pekerjaan-pekerjaan sementara kepada mereka-mereka yang keluar dari sekolah. Jumlah yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri telah mencapai objektif-objektifnya.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan tambahan Datuk Speaker, saya tidak ada dapat jawapan itu. Ini satu soalan, saya ada bertanya di sini, berapa banyak bantuan-bantuan dari Kerajaan bagi Pesta Pulau Pinang tetapi Yang Berhormat dari Kawasan Kampong Kolam memberi jawapan-jawapan objektif Pesta Pulau Pinang. Habis saya ada tanya ini figures. Saya belum dapat ini figures.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Khoo Kay Por): Sudah jawab. \$264,000.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan tambahan, \$264,000 bagi bantuan Pesta Pulau Pinang ini, does it include contribution from L.P.K.T. as well?

Ahli Kawasan Kampong Kolam Encik Khoo Kay Por): Sudah jawab, Tuan Speaker, Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan tidak ada bantuan. They have no contribution.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Oh, I see.

Soalan kesembilan, Datuk Speaker.

9. Bilakah Catamaran atau kapal yang diperlengkapi sebagai tempat tinggal (Houseboat) yang berharga sebanyak \$170,000 diambil dan atas tujuan apa ianya diambil? Dimanakah Catamaran ini disimpan sekarang dan apakah tujuan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang untuk menggunakan Catamaran ini dalam tahun yang akan datang?

(9. When was the \$170,000 Catamaran or Houseboat acquired and for what purpose was it acquired? Where is this Catamaran kept now and how will the PDC intend to use this Catamaran in the coming years?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, kapal Catamaran telah dibina oleh IHC (Malaysia) Sdn. Bhd. dan telah dilancarkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia pada 30-12-1973. Pembinaan kapal Catamaran adalah satu aspek yang terbaru untuk memajukan pelancungan bukan sahaja bagi Negeri Pulau Pinang bahkan juga Malaysia dan Wilayah Asia Tenggara. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang hendak memajukan rumah kapal terapung untuk digunakan oleh perusahaan pelancungan dan juga orangramai sebagai

satu penarikan baru dan juga satu kemudahan baru yang akan melibatkan penggunaan bahan asas yang ada di Negeri Pulau Pinang seperti lautnya, pasirnya dan cahaya matahari dengan sepenuhnya. Kapal berumah ini akhirnya akan dijadikan rumah-rumah dan bahagian hotel-hotel terapung. Sejak dilancarkan kapal tersebut, rundingan-rundingan telahpun dimulakan diantara Malaysia dan Indonesia untuk membuat rumah-rumah tumpangan terapung di Pulau Pinang dan Tasek Toba. Kapal Catamaran tersebut pada masa ini disimpan di Limbongan Kapal IHC di Pulau Jerejak. Apabila perjanjian yang ada sekarang dengan IHC tamat, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang bercadang untuk menajakan kapal berumah tersebut kepada badan pelancungan tempatan dan luar negeri.

Kapal berumah ini atau kapal Catamaran telah dipajakkan bagi tempoh 1 tahun mulai dari 1-1-1975 kepada IHC (Malaysia) Sdn. Bhd. untuk digunakan sebagai Pejabat sahaja dengan sewa sebanyak \$1,400 sebulan.

Pajakan akan ditamatkan dengan memberi satu bulan notis samada oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang atau IHC (Malaysia) Sdn. Bhd.

Kapal Catamaran adalah boleh digunakan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang untuk tujuan mengadakan pertunjukkan dan acara-acara khas.

IHC (Malaysia) Sdn. Bhd. adalah bertanggungjawab menyelenggarakan kapal tersebut dan menyediakannya dalam keadaan asalnya sebelum memulangkan kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang setelah tamat pajakan tersebut samada dengan cara tempoh telah tamat atau dengan cara notis bertulis oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan tambahan dan dengan izin.

Is it possible for the P.D.C. to arrange for this Catamaran to be anchored at the pier to give an opportunity for the members of this House and any member of the public who wish to see the Catamaran one day?

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Bagan Jermal, itu soalan lain kerana Yang Amat Berhormat telah menjawab kapal ini telah dipajakkan 1 tahun mulai 1-1-1975.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan kesepuluh, Datuk Speaker.

10. Berapakah jumlah tunggakan sewa tanah yang belum dikutip dan yang menginap masa pada 31-12-1974, dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengutip jumlah yang melebihi tempuhnya?
- (10. What is the total arrears of land rent uncollected and due on 31-12-1974, and what steps does the Government intend to take to collect this amount overdue?)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah): Datuk Yang Dipertua, bagi menjawab soalan yang dihadapkan oleh Yang Berhormat dari Bagan Jermal, soalan itu berkenaan tunggakan hasil-hasil. Jumlah tunggakan hasil geran seperti pada 31-12-74 ialah sebanyak \$4,473,973.32 yang tidak termasuk tunggakan bagi satu daerah lagi yang belum menutup buku-buku daftar Hasil Geran. Tindakan sedang diambil di bawah peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Negara untuk mengeluarkan notis-notis tuntutan pada waktu ini.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan tambahan Tuan Speaker. Saya ada dapat tahu dari Laporan Kira-kira Awam dari Pengerusi. Dia ada berkata semua sekali berjumlah \$10 juta di dalam tahun 1972 tetapi \$3,600,000 sudah dapat. Lagi ada \$6,400,000 belum dapat lagi. Adakah ini \$6 juta lebih sudah bayar?

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat dari Bagan Jermal, bolehkah tunjukkan?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): No, it is in my car. I can get it for you.

Tuan Speaker: Saya ingat soalan itu tidak payah dijawab.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan kesebelas.

11. Dari 27,000 ekar Tanah Negeri di Pulau Pinang, berapa luaskah tanah yang berpayu dan masih belum dimajukan lagi? Adakah apa-apa Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk mencari segala cara dan ikhtiar untuk menebusguna atau memajukan tanah yang berpayu agar tanah-tanah itu dapat ditukarkan menjadi tanah yang berguna bagi tujuan-tujuan pertanian atau perumahan?

(11. Out of the 27,000 acres of State Land in Penang, how many of them are swampy and undeveloped land? Has there been any Committee set up by the Government to look into ways and means to reclaim or develop the swampy land so as to turn them into useful land for agricultural or housing purposes?)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah): Soalan kesembelas, ada lebih-kurang 270 ekar tanah paya yangmana belum dimajukan. Mengenai Jawatankuasa, tidak ada Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan untuk mencari segala cara dan ikhtiar untuk menambun atau memajukan tanah-tanah paya itu. Penggunaan tanah Negeri adalah selalu dikaji oleh yunit Perancang Negeri. Apabila keperluan menambun tanah-tanah ini berbangkit, Kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya melalui jabatan-jabatan atau agensi-agensinya.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan kedua belas.

12. Berapa kali telah Jawatankuasa Perumahan Murah berjumpa sejak Ogos, 1974 dan apakah perakuan-perakuannya bagi rancangan-rancangan perumahan murah bagi tahun-tahun 1976 dan 1977?

(12. How many times did the Low Cost Housing Committee meet since August, 1974 and what are its recommendations for low-cost housing programmes for years of 1976 and 1977?)

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Datuk Yang Dipertua, soalan duabelas, Jawatankuasa Kemajuan Perumahan Negeri telah mengadakan 24 mesyuarat sejak Ogos tahun 1974 sehingga Oktober tahun 1975. Jawatankuasa tersebut telah membuat beberapa cadangan untuk Rancangan-rancangan Perumahan Murah di dalam Negeri untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia

Ketiga. Akan tetapi, segala butir-butir tidak dikemukakan sehingga keputusan Kerajaan Persekutuan diketahui.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan ketigabelas.

13. Berapakah ekar tanah yang telah ditandakan bagi tujuan pembinaan rumah-rumah di dalam tahun-tahun yang akan datang dan dimanakah tempat-tempatnya?

Berapa banyakkah kumpulan wang yang telah diuntukkan bagi rancangan pembinaan rumah-rumah murah dan bagaimanakah kumpulan wang ini akan dibelanjakan dalam tahun-tahun yang akan datang?

(13. How many acres of land that have been earmarked for the purpose of building low-cost houses in the coming years and what are their location?)

How much fund has been allocated for the construction of low-cost housing scheme and how are these funds to be spent in the coming years?)

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong): Datuk Yang Dipertua, jawapan soalan ketigabelas, Kerajaan Negeri telah membuat permohonan untuk memperolehi \$62,820,220 untuk Projek-projek Perumahan Murah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga yang akan dilaksanakan di kawasan tanah yang berjumlah 151 ekar di seluruh Negeri.

Butir-butir projek-projek tersebut tidak dapat dikemukakan di peringkat ini, kerana pelan masih belum diputuskan oleh Kerajaan Persekutuan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat dari Ayer Itam memberitahu, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri ada memberi sedikit jawapan di dalam Dewan ini tahun dahulu, ada 916 buah rumah murah untuk dibuat di dalam kawasan Bagan Jermal. Adakah ini satu rancangan mahu mendapat pertimbangan dalam Jawatankuasa Rumah Murah?

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Bagan Jermal itu soalan lain. Yang Berhormat tanya soalan, ada cuma berapa ekar dan dijawab, pelan-pelan belum siap lagi.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Does the Honourable Member, as the Chairman of the Low-Cost Housing Committee, know that there is such an announcement by the Honourable the Chief Minister in this House—dalam rumah ini?

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Bagan Jermal, cuba baca soalan itu sendiri yangmana Yang Berhormat tahu beberapa ekar rumah murah yang akan dibina tahun-tahun yang akan datang. Itu Yang Berhormat sudah jawab. Yang Berhormat baca soalan itu sendiri boleh faham. Soalan itu tidak payah dijawab. Soalan itu saya tidak benar-benar.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan yang keempatbelas.

14. Memandangkan kepada Belanjawan-belanjawan Pembangunan bagi tiga tahun yang lalu telah lebih dianggarkan setakat lebih dari 100%. Apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menentukan agar belanjawan-belanjawan pembangunan bagi tahun-tahun yang akan datang dapat diguna dengan wajar dan berkesan?
- (14. In view of the fact that the Development Budgets for the last three years have been overestimated to the extent of more than 100%; what steps does the Government take to ensure that the estimated development budgets for the coming years to be properly and efficiently utilised?

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, dari penyata kira-kira yang ditetapkan dalam masa tiga tahun yang lalu, nampaknya tidak ada anggaran pembangunan yang telah lebih dianggarkan. Sebaliknya, terdapat sedikit kekurangan dalam perbelanjaan bagi tahun-tahun 1972, 1973 dan 1974 sebanyak 21.17%, 53.76% dan 71.99% masing-masing. Alasan yang utama bagi kekurangan dalam perbelanjaan ini ialah bahawa jumlah yang diuntukkan bagi perbelanjaan pinjaman tidak dibelanjakan kerana Kerajaan Persekutuan tidak mengurangkan jumlah pinjaman yang sepenuhnya daripada Kerajaan Negeri sepertimana yang dijangkakan dalam perbelanjaan pembangunan. Contohnya, dalam tahun 1974, daripada jumlah perbelanjaan pinjaman

yang dianggarkan sebanyak \$21,341,000 hanya \$2 juta sahaja telah dibelanjakan sebagai pinjaman-pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, dengan izin: I have got this figure from the reply given previously in this House and also from the Auditor-General's Report. Dalam tahun 1972, a provision of \$17 million was made for this purpose and only \$7.395 million was spent; in 1973, \$21,739 million was provided and only \$10 million was utilised and in 1974, up to December, \$36,871 million was provided and nearly \$10 million only was utilised. Kekurangan ini bukan sedikit tetapi banyak. Dalam soalan tambahan saya hendak bertanya apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri supaya anggaran-anggaran ini digunakan bagi pembangunan Negeri kita. Anggaran perbelanjaan banyak tetapi dibelanjakan sedikit sahaja. This shows the inefficiency or the inability of the Government to tackle the job. So I am asking what action the Government will take in future or in the coming years to ensure that this difference is not so big. Kekurangan ini bukan sedikit, tetapi banyak.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya harap Yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Bagan Jermal dengar betul-betul apa yang kita jawab dan jangan buang masa sahaja sebab soalan tambahan beliau tidak berguna dan tidak berbangkit daripada soalan yang saya telah sebut. Datuk Yang Dipertua, beliau sendiripun faham dan baca apa yang saya telah bagi tahu.

Dengan izin: If the Honourable Member, in reading the figures of the provision of \$21,789,357 in 1973, and with an expenditure of \$10,076,513 has he himself indicated, he will understand that it actually comes up to 46.24%, the percentage of which I have referred to and which shows a difference. Tetapi jika yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Bagan Jermal hendak menimbangkan perkara ini, kita boleh bahas dalam perbahasan mengenai Anggaran Pembangunan. When we debate the Development Estimates,

Yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Bagan Jermal tentu dapat tahu Kerajaan Negeri telahpun mengambil perhatian dan tindakan yang berat mengenai perkara ini. Tetapi di dalam jawapan saya, saya telah berkata ada sedikit kesusahan dalam menyediakan anggaran-anggaran pembangunan ini oleh sebab kita mesti berbincang dengan Kerajaan Persekutuan mengenai anggaran-anggaran pembangunan untuk negeri-negeri bukan sahaja Negeri Pulau Pinang tetapi negeri-negeri di seluruh Malaysia; mereka mestilah mengikut anggaran-anggaran yang dibuat daripada Kerajaan Persekutuan.

Sebab itu, dalam jawapan saya telah bagi keterangan iaitu dalam tahun 1974 Kerajaan Negeri telah menyediakan anggaran yang besar tetapi 28 peratus lebih sahaja dalam anggaran dibelanjakan sebab dari \$21 juta yang kita anggarakan, cuma \$2 juta sahaja yang diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan. Itu sahaja dan saya berharap Yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Bagan Jermal terima soalan saya dengan sepenuhnya.

Saya berharap Yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Bagan Jermal tidak lagi membangkitkan apa-apa soalan tambahan sebab saya ingat jawapan saya adalah terus-terang.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan tambahan.

Dari jawapan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, saya mendapat tahu ada sedikit kesusahan hendak mendapat kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan. Oleh sebab itu, saya ingin bertanya apakah tindakan yang Kerajaan hendak ambil? It is something like a communication breakdown between the State Government and the Federal Government. So what action will the State Government take to communicate with the Federal Government with greater efficiency and with greater effort in order that in future the provision for development in our State will be properly and efficiently utilised, not only up to the amount of 42% out of the total provision.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, tadi saya telah minta Yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Bagan Jermal terima sahaja apa yang saya telah jawab dengan terus terang dan tidak payah lagi membangkitkan soalan tambahan di sini.

Saya minta izin, Datuk Yang Dipertua, bukan saya suka hendak bahas dalam masa kita membahaskan soalan-soalan mulut, but it is impossible, Sir, to assassinate a character when there is no character. Sebabnya ialah Datuk Yang Dipertua, soalan limabelas ialah soalan daripada Yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Bagan Jermal, tetapi beliau sendiri yang meminta soalan tambahan. Jika Yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Bagan Jermal selalu minta soalan tambahan tetapi dalam kertas-kertas itu adalah soalan beliau sendiri, saya fikir masa yang kita ada terbuang sahaja.

Datuk Yang Dipertua, dengan izin: The Honourable Member has a question in the Oral Questions and he asks again in the supplementary question. I won't reply to his supplementary question provided he removes his own reasons for asking in question 15 which he himself wrote. Now, if you write what you ask and you can't remember what you wrote, and you don't even know you are asking, then don't ask stupid questions.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): But, Datuk Speaker, it is not a stupid question. It is a question arising from the answer to the original question. The answer to the original question was that there is a difficulty in communicating with the Federal Government. What I am asking is in view of the difficulty arising from the answer to the original question, and I don't think it is stupid because the Honourable the Chief Minister had answered that there is a difficulty in communication with the Federal Government. So what I am asking arises out of the answer to that original question—and what is wrong with that? I don't know who is stupid. We come here to debate, not to carry out character assassination; and he himself said there is no such character.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat daripada Bagan Jermal tanya soalan tambahan, tetapi soalan itu berada dalam soalan limabelas. Cuba Ahli Yang Berhormat baca soalan itu.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Dari jawapan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kepada soalan tambahan tadi, beliau berkata ada sedikit kesusahan untuk mendapatkan kelulusan daripada *Federal Government*.

Tuan Speaker: Tetapi, soalan tambahan yang ditanya itu ialah soalan limabelas.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): There is nothing said about Federal Government in this original question. I think the Honourable the Chief Minister can read it himself. Where is the word "Federal Government" here? If I say 'in view of the difficulty of obtaining approval of the Federal Government', then I am wrong, and I am stupid. But now the Honourable the Chief Minister is stupid because the words "Federal Government" are not mentioned in the original question. I am asking the supplementary question arising from the answer and which brings out the Federal Government; and I am asking what is the best way to communicate with the Federal Government with efficiency. This supplementary question arises out of the answer to the original question. I don't know who is stupid.

We are debating, Sir.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Datuk Yang Dipertua, I do not know how double negatives are taken, but I would willingly be called 'stupid' by a stupid person.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Yang Dipertua, saya minta tarik balik ini.

Tuan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat kedua, saya berharap Ahli Yang Berhormat (*gangguan*).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Peraturan 46.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat, biar saya bercakap dahulu. Oleh sebab pada mula-mula lagi saya telah benar-benar, jadi sekarang janganlah gunakan perkataan itu lagi. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan Yang Berhormat dari Bagan Jermalpun saya harap janganlah pakai cakapan itu lagi.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): The word 'stupid'. I asked to withdraw the word 'stupid' under the Standing Order 46 (xiii) (c).

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat kedua-duanya, saya harap *withdraw*.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): If he withdraws I will withdraw. We will then be holding up the dignity and respect of this House. He will have to withdraw first because he brought out the word 'stupid' before I did.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, I will not withdraw—dengan izin—because the Honourable Member from Bagan Jermal referred to the Chief Minister as being stupid.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): I did not.

Ketua Menteri: Whereas the Chief Minister said that 'I would willingly under the double negative reaction of thinking, be called stupid by a stupid person.' Now, if the Honourable Member for Bagan Jermal wants to wear the cap he may do so. But I do not take the statement as direct whereas the Honourable Member's statement was direct.

Now, if he resorts to this kind of wasting of time, we can play at this wasting of time. But in my reply earlier on—and I hope that now I have replied, the Honourable Member does not waste the time of this House any further because it comes out in question 15 and it comes out again in the Development Estimates. So if we reply now, don't bring it up in the Development Estimates, and make it another one-hour speech over nothing. If you do not understand it fully in Bahasa let me interpret for you—I said that the deficiency in expenditure, particularly in 1974, was due to the fact that the State budgeted for over \$21 million, but in

actual there was the borrowing of \$2 million from the Federal Government. Hence there was a deficiency in the budgeting in 1974.

I also replied earlier on in Bahasa, and in full, that when we come to the question of expenditure in 1975, you will find that the performance of the State is very good. Now that being so, I said I will wait until we come to this question 15 and because it will indicate firstly, that State performance being very good that State performance must therefore be dependent upon good relationship, better relationship and improved relationship between the State and the Federal Government.

15. Apakah jumlah belanjawan pembangunan tahun 1975 yang telah digunakan sehingga hari ini dan jika ianya melebihi anggaran lagi, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menggunakan baki belanjawan tersebut dalam tahun ini?
- (15. What is the amount of 1975 development budget being as at today's date and if it is again overestimated, what steps will the Government take to utilise the balance of that budget within this year?)

So in reply to question 15, and not to the supplementary question, Mr Speaker, Sir, it is quite clear that in 1975, out of a Budget of \$37,665,196, \$28,564,508 have already been spent indicating a performance of 75.84%.

Now, compared to the performance last year of 28.01%, this is a marked improvement. Now if that improvement does not convey to the Honourable Member the improved performance, and the care and the diligence with which the Government has exercised its control of Development Estimates, I do not know what will.

I have, Mr Speaker, Sir, in replying to the supplementary question replied to the Honourable Member's question 15 as well as to any possible thing that he may raise in the debate on Development Estimates. So don't waste our time any more.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, dengan izin: Since question 15 has been answered just now, I will skip question 15 and come to soalan 16. It is like

putting the cart before the horse: He replied before the question was put to him. The answer to question 14 does not clearly answer the performance of 1974 but the Chief Minister has used the answer to question 15 to answer question 14.

So now I come to soalan 16.

16. Apakah anggaran perbelanjaan Kerajaan dan L.P.K.T., Pulau Pinang yang akan dibelanjakan dalam menganjurkan Minggu Adelaide di Pulau Pinang dan samada sektor swasta telah dijemput untuk mengambil bahagian dalam Minggu Adelaide ini?
- (16. What is the estimated expenditure the Government and L.P.K.T., Pulau Pinang intend to spend in organising Adelaide Week in Penang and whether the private sector has been invited to participate in this Adelaide Week?)

Ketua Menteri: Thank you for accepting the 'accolade'.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, bagi menjawab bahagian kedua ini, adalah menjadi satu tujuan Jawatankuasa Kerja Minggu Adelaide untuk mengeratkan perhubungan dengan pihak swasta tempatan dengan pihak swasta dari Australia Selatan, dan anggaran perbelanjaan untuk mengadakan Minggu Adelaide di Pulau Pinang ini belum lagi ditentukan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan yang ketujuh belas.

17. Sudahkah kira-kira bagi Minggu Pulau Pinang di Adelaide diputuskan dan jika sudah, apakah jumlahnya yang telah dibelanjakan dalam menganjurkan Minggu Pulau Pinang di Adelaide?
- (17. Has the account for Penang Week in Adelaide been finalised and if so, what is the total amount spent in organising Penang Week in Adelaide?)

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, jawapannya ialah 'Ya'. Jumlah wang yang telah dibelanjakan ialah sebanyak \$338,184.21.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, wang itu, does it include contributions from

L.P.K.T., Pulau Pinang which is the maximum of \$200,000. Does it include L.P.K.T.'s contribution?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Ya, Datuk Speaker.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan yang kelapan-belas.

18. Memandangkan bahawa Pesta Pulau Pinang dan Minggu Adelaide akan diadakan bersama-sama di Pulau Pinang dalam bulan Disember, apakah rancangan Kerajaan untuk menyelaraskan kedua-dua aktiviti-aktiviti ini, dan jika ada, apakah rancangan-rancangan itu?

(18. In view of the fact that both the Pesta Pulau Pinang and Adelaide Week will be held in Penang in the month of December, has the Government any plans to co-ordinate these two activities together; and if there are, what are the plans?)

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Khoo Kay Por): Datuk Yang Dipertua, bagi menjawab soalan ini, penganjuran Pesta Pulau Pinang bersama-sama dengan Minggu Adelaide dalam bulan Disember membuktikan adanya usaha penyelarasan bagi kedua-dua aktiviti ini.

Acara-acara Pesta Pulau Pinang seperti Chingay, Perlumbaan Bot Naga, Pertunjukan Tentera dan Pesta Perusahaan dan Perdagangan telah dirancang akan diadakan semasa Minggu Adelaide.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan tambahan, Datuk Speaker. Dari jawapannya Ahli Yang Berhormat dari Kampong Kolam berkata ada Chingay semasa Minggu Adelaide di Pulau Pinang. On which day is there going to be the Chingay? Is it between the 2nd and 8th of December?

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Khoo Kay Por): The day has not been fixed. But we are trying to have it within the first week, maybe on the 6th.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): And is the Float Procession going to be included within this week to coincide with the 'Adelaide Week'?

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Khoo Kay Por): Datuk Speaker, jawapan kepada soalan itu ialah this time we don't have the Float Procession. The event is not included in the Pesta Pulau Pinang—tidak ada dalam programme Pesta Pulau Pinang. 'Float' is here, but it has been cancelled out.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan tambahan, Datuk Speaker: Is there any other major activities of Pesta Pulau Pinang, like Chingay as you yourself mentioned just now, to be held within that week—between 2nd and 8th—to coincide with the Adelaide Week?

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Khoo Kay Por): Datuk Speaker, soalan ini sudahpun dijawab tadi. I named the events to be included in the Pesta.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Ya, I mean the major events. Examples of the major events.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Khoo Kay Por): Boat racing and Pesta.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Boat racing, Chingay and anything else?

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Khoo Kay Por): Sudah jawab.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan yang kesembilanbelas.

19. Adakah satu kenyataan bahawa Lembaga Pembangunan Bandar (UDA) telah atau akan mengambil beberapa keping tanah di Tanjong Tokong untuk projek-projek pembangunannya; jika ada, berapa ekar tanah telah diambil dan berapa ekar akan diambil pada tahun-tahun yang akan datang oleh UDA? Adakah tanah-tanah yang telah atau akan diambil oleh UDA tanah persendirian atau tanah Kerajaan?

(19. Is it a fact that the Urban Development Authority or U.D.A. has taken or will take up certain pieces of land in Tanjong Tokong for its development projects; if so, how acres have been taken up and how many acres will be taken up in the coming years by U.D.A.? Are those lands which have already been taken up or to be taken up by U.D.A. private land or Government land?)

Ketua Menteri: Datuk Speaker, jumlah kawasan tanah seluas 41A, 3R, 32P, telahpun diberimilik kepada UDA satu kawasan tanah seluas 3.28 ekar lagi akan diberi kepada UDA tidak lama lagi. Semua tanah-tanah ini adalah tanah Negeri.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan kedua puluh.

20. Berapa yunit rumah-rumah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang di (a) Bayan Lepas dan (b) Bagan Serai telah siap dan berapa yunitkah telah dijual?
- (20. How many units of P.D.C.'s housing schemes in (a) Bayan Lepas and (b) Bagan Serai have been completed and how many of them have been sold?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, dalam Peringkat 1 Rancangan Perumahan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang di Bandar Bayan Baru, seperti pada 23hb Oktober, 1975, dan daripada jumlah 551 yunit yang telah dimajukan, 208 telah siap dan sedia untuk didiami, 237 dijangka siap dan sedia didiami sebelum akhir tahun; dan 106 yunit dijangka siap menjelang awal tahun 1976. Bagi 313 yunit di Bagan Serai, semuanya dijangka siap menjelang akhir tahun. Daripada 551 yunit di dalam rancangan Bandar Bayan Baru, 483 telahpun dijual sementara semua 313 yunit di dalam rancangan Bagan Serai telah dijual.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan yang kedua puluh satu.

21. Di samping kekurangan pertama dalam harga jualan rancangan perumahan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sebanyak \$2,500 bagi sebuah rumah, adalah terdapat kekurangan seterusnya dalam harga jualan rancangan rumah-rumah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang? Jika ada, apakah harga jualan yang muktamad bagi tiap-tiap jenis rumah yang dibina oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang?
- (21. Apart from the first reduction of the sales prices of P.D.C.'s housing scheme amounting to \$2,500 per house, has there been any further reduction of sales prices in P.D.C.'s housing scheme? If so, what is the final sales price of each type of house built by P.D.C.?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, sejak kekurangan yang pertama dalam harga jualan semua rumah-rumah di dalam rancangan-rancangan Bandar Bayan Baru dan Bagan Serai Peringkat 1 sebanyak \$2,500 tiap-tiap sebuah rumah, tidak ada lagi apa-apa kekurangan seterusnya dalam harga jualan. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, harga jualan yang muktamad bagi rumah-rumah di dalam rancangan Perumahan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang adalah seperti berikut:

Bandar Bayan Baru Peringkat 1

Jenis A Rumah Teres Inter-lot	\$22,500.
Jenis A Rumah Teres Penghujung	\$25,500.
Jenis B Rumah Teres Inter-lot	\$26,500.
Jenis B Rumah Teres Penghujung	\$29,500.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan yang kedua puluh dua.

22. Adakah satu hakikat bahawa Kerajaan telah terlambat dalam bayarannya kepada pemilik-pemilik tanah bagi pengambilan tanah, atau bayaran gantirugi kepada penghuni-penghuni atau bagi tujuan Projek Angkasa Perdana dan jika ada apakah sebab bagi kelambatan pembayaran-pembayaran ini.
- (22. Is it a fact that the Government has delayed payment to the land owners for acquisition of land, or for compensation to the occupiers, for the purpose of Angkasa Perdana projects and if so what are the reasons of delay in payments?)

Ketua Menteri: Tidak.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan yang kedua puluh tiga.

23. Adakah Setiausaha atau Penolong kepada Setiausaha Politik bagi Y.A.B. Ketua Menteri satu jawatan baru yang diwujudkan dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan? Jika ada, apakah saraannya?
- (23. Is the Secretary or Assistant to the Political Secretary Hon'ble the Chief Minister a new post created within the State Secretariat; If so, what is his remuneration?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, tidak ada jawatan Setiausaha atau Penolong kepada Setiausaha Politik kepada Y.A.B. Ketua Menteri.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan tambahan, dengan izin: There is a clerk working in assistance to the Honourable the Political Secretary to the Honourable the Chief Minister in the office of the Honourable Member from Tanjung Bungah. What designation is held by the assistant in the office of the Political Secretary to the Chief Minister?

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, seorang Pegawai Kerani.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Is he fully employed to assist the Political Secretary to the Honourable the Chief Minister?

Ketua Menteri: Jawapan saya yang pertama telah dijawab dengan penuh sekali.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan yang kedua puluh empat.

24. Apakah hasil kajian yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan atas projek Kawasan Perdagangan Bebas bagi Negeri kita? Oleh kerana projek ini telah tergendala bagi beberapa tahun yang lalu, adakah Kerajaan pernah membuat sesuatu pertanyaan kepada Kerajaan Persekutuan atas kelambatan ini? Sudahkah Kerajaan Negeri mencari sebab-sebab mengapa terdapat kelambatan yang lama dalam projek ini dan jika ada, apakah alasan-alasan yang diberi?

(24. What is the result of study by the Federal Government on the project of Free Trade Area for our State? Since the project has been delayed for many years, has the State Government ever made any representation to the Federal Government for such delay. Has the State Government found out reasons for such a long delay in this project and if so, what are the reasons given?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, Kerajaan Negeri belum dimaklumkan tentang taraf dan kedudukan kajian yang dicadangkan bagi Kawasan Perdagangan Bebas atau Free Trade Area di Pengkalan Weld. Sejak projek itu mula diisytiharkan pada 31hb Mei, 1972, pegawai-pegawai Kerajaan Negeri dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah mengadakan perbincangan atas perkara ini bersama-sama dengan pegawai-pegawai Persekutuan dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.

Akantetapi, berbangkit dari keputusan Kementerian Perhubungan untuk membenarkan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang untuk menggunakan kawasan itu bagi rancangan pembesaran pelabuhannya, perkara itu tidak lagi dibincangkan seterusnya.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan yang kedua puluh lima.

25. Berapakah ekar Tanah Negeri telah diberi oleh Kerajaan Negeri kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan atas harga apakah tanah itu diberi? Apakah keputusan yang telah Kerajaan buat berkaitan dengan cara mengira harga tanah-tanah yang telah diberi kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dalam masa-masa yang lalu?

(25. How many acres of State Land the State Government has alienated to Penang Development Corporation and for how much money the land has been alienated? What decision has the Government made with regards to the ways of accounting in respect of land alienated to the P.D.C. in the past?)

Ketua Menteri: Kerajaan Negeri telah memberi milik seluas 571.27 ekar tanah Kerajaan kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang seperti berikut:

	ekar
1. Kawasan Perusahaan Perai	416.78
2. Kawasan Perusahaan Bagan Serai	63.40
3. Kawasan Perusahaan Mak Mandin	12.41
4. Kawasan Perusahaan Bayan Lepas	78.68

Jumlah ... 571.27

Tanah di kawasan-kawasan perusahaan ini adalah diberimilik kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang atas perimiam namaan sebanyak \$1 bagi tiap-tiap plot sepertimana dan bila tanah dikehendaki oleh seseorang pengusaha. Oleh itu, tidaklah perlu untuk mengadakan satu sistem pengiraan khas.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan tambahan. Jawapan daripada Y.A.B. bagi soalan ini ialah *land* ini was alie-

nated to the P.D.C. for \$1. What is happening to the outstanding loan?

Tuan Speaker: Tolong minta kebenaran dahulu.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Dengan izin: As far as the accounting is concerned—which is the second part of my question—the State Government has spent something like \$33 million for these estates and it is all alienated to the P.D.C. for only \$1. How does the Honourable the Chief Minister or the State Government intend to account for this? This has been raised also in the Auditor General's Report and also the outstanding loan the State Government has in relation to these estates.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, Kerajaan Negeri telah membuat keputusan ini kerana Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah mengambil alih tanggungan-tanggungan pinjaman Kerajaan Negeri yang berjumlah \$40,259,572 berkaitan dengan kawasan-kawasan perusahaan ini. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah menjelaskan tanggungan-tanggungan pinjamannya kepada Kerajaan Negeri bagi tahun 1974. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dikehendaki membayar sebanyak \$3,389,236 kepada Kerajaan Negeri bagi pembayaran-balik pinjaman-pinjaman dalam tahun 1975.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan yang kedua-puluh enam, Datuk Speaker.

26. Sudahkah perundingan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang yang diadakan dengan Compagnie General Distribution de Jacquand dari Negeri France agar Penang Electronics dapat berusaha bersama dengan Syarikat ini diputuskan dan jika ada, apa-apa jumlah Modal yang telah dibayar bagi Syarikat usaha-bersama ini iaitu Excel Malaysia Sdn. Bhd. dan berapa jumlah modal yang telah dilaburkan dalam Syarikat baru ini?

(26. Has the negotiations the P.D.C. made with Compagnie General Distribution de Jacquand of France for Penang Electronics to go into a joint-venture with this Company been finalised and if so, what is the total paid up Capital of this joint-venture Company, Excel Malaysia Sdn. Berhad and what amount does the Penang Electronics invest in this new Company?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, perundingan-perundingan bagi usaha bersama yang dicadangkan itu telah diputuskan tetapi belum dilaksanakan kerana pada masa Perjanjian ditandatangani, perselisihan-perselisihan yang bangkit di antara pihak-pihak berkenaan tidak dapat diselesaikan. Oleh yang demikian, adalah diputuskan bahawa usaha bersama itu tidak akan diteruskan selanjutnya.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan tambahan. Has there been any formal agreement signed on what has been agreed upon between the two parties?

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Bagan Jermal, ini belum diputuskan sebab itulah ada perselisihan. Soalan itu tidak payah dijawab.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan kedua-puluh tujuh.

27. Apakah jumlah pelaburan Penang Electronics Sdn. Bhd. dan memandangkan bahawa Syarikat ini telah ditutup, adakah apa proses untuk membubarkan Syarikat ini? Jika ada, berapakah jumlah wang Penang Electronics yang dijangka akan mendapat balik dari Syarikat usaha bersama ini?

(27. What is the total investment the Penang Electronics Sdn. Berhad has made in Intron Industries (Malaysia) Sdn. Berhad and in view of the fact that this Company has closed down, has there been any process to liquidate this Company? If so, what amount does the Penang Electronics expect to recover from this joint-venture Company?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, jumlah pelaburan Penang Electronics Sdn. Berhad (PENEL) dalam Intron Industries Malaysia Sdn. Berhad pada asalnya ialah sebanyak \$510,000 yang merupakan 51% daripada modal yang dikeluarkan sebanyak \$1 juta. Kemudiannya, oleh kerana terdapat kemajuan dalam perusahaannya, PENEL mendahulukan jumlah \$330,000 kepada Intron. Jadi, jumlah kewangan PENEL yang terlibat dalam Intron ialah sebanyak \$840,000. Harta-harta Syarikat tersebut telah dipegang untuk diamanatkan kepada kedua-dua siputangnya yang utama, iaitu MIDF dan

FNCB dan penerima (receiver) yang dilantik ialah Encik C.T. Dieng, yang ada perkongsian dalam Peat, Marwick, Mitchell and Company. Berkaitan dengan jumlah yang boleh didapati balik oleh PENEL dari usaha bersama ini, hanya dapat diketahui selepas penerima-penerima mengemukakan lapuran mereka dan selepas harta-harta Syarikat tersebut ditolak cukai.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan yang kedua-puluh lapan.

28. Berapakah Syarikat-syarikat usaha bersama yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri bersama-sama dengan Kerajaan Australia sebagai usaha bersama dan berapakah jumlah pelaburan oleh Negeri kita dalam Syarikat usaha bersama itu.
- (28. How many joint venture Companies the State Government has formed with Australian Government as joint-venture and what is the amount invested by our State in each of this joint-venture Companies?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, Kerajaan Negeri tidak menubuhkan apa-apa Syarikat usaha bersama dengan Kerajaan Australia.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.03 pagi.

Dewan bersidang semula pada jam 11.23 pagi.

(II) Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahya bin Haji Mohamad Yusoff) bertanya kepada Ketua Menteri:

Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan yang pertama.

1. Adakah Kerajaan telah mengambil keputusan akan membenarkan membina "Hotel Sri Duyong" di atas sekeping tanah Lot 234, Mk. 2, Tanjung Keling, Telok Bahang, Pulau Pinang?
- (b) Jika dibenarkan, bagaimanakah tentang kedudukan penduduk-penduduk yang terlibat seramai lebihkurang 24 buah rumah di atas tanah ini, yang bergantung dengan mata pencarian mereka sebagai nelayan?
- (c) Bolehkah pihak yang berkenaan memberi bantuan rumah dan tempat tinggal yang berdekatan dengan pantai, supaya tidak terjejas untuk menyambung mata pencarian mereka sebagai nelayan kecil?

- (1. Has the Government decided to give approval to the construction of Hotel Sri Duyong on a piece of land Lot 234, Mk. 2, Tanjung Keling, Telok Bahang, Penang?

(b) If it has been approved, what is the situation of those people involved which is estimated to be about 24 houses, on this land, who have to depend on fishing for their livelihood?

(c) Does the authority concerned plan to give alternative houses near the seaside so that their livelihood as small fishermen will not be jeopardised?)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah): Datuk Yang Dipertua, bagi menjawab soalan ini, Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang dan bukan Kerajaan Negeri yang menjadi Pihak Berkuasa kelulusan bagi pembangunan hotel-hotel di Pulau Pinang. Ini pada soalan yang pertama.

(b) Adalah menjadi tanggungjawab pemaju-pemaju untuk membayar ganti-rugi kepada mereka-mereka yang terlibat dalam pembangunan yang dicadangkan itu.

(c) Adalah menjadi tanggungjawab pemaju-pemaju untuk menentukan agar mereka-mereka yang terlibat oleh pembangunan tersebut ditempatkan semula dengan cara yang memuaskan.

Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahya bin Haji Mohamed Yusoff):

Datuk Speaker, soalan tambahan. Sekiranya perkara ini diserahkan kepada pihak Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, tidakkah ada bangkit kelulusan itu terpaksa mendapat kelulusan Kerajaan Negeri terlebih dahulu?

Tuan Speaker: Soalan itu telah dijawab kerana ini adalah tanggungan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan dan bagaimana pemaju-pemaju akan bayar perkara itu.

Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahya bin Haji Mohamed Yusoff):

2. Berapa tempatkah telah diuntukkan khas oleh Kerajaan Pulau Pinang untuk penempatan pemeliharaan "Ter-nakan Babi"?

(a) Sila sebutkan tempat-tempat atau kawasan yang telah disediakan dan berapakah keluasan? Dan berapa ramai penternak-penternak akan ditempatkan di situ?

- (b) Berapakah tempat atau kawasan pula yang telah diuntukkan bagi penternak-penternak memelihara lembu? Di manakah kawasan itu dan berapakah luasnya? Dan berapa ramaikah penternak-penternak akan ditempatkan?
- (2) How many places have been reserved specially by the State Government as sites for the rearing of pigs?
- (a) Please state the location or area which has been reserved and what is the acreage? And how many rearers will be settled there?
- (c) How many places or areas have been provided for rearing of cows? Where is the location and what is the acreage? How many such rearers will be settled there?)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah): Datuk Yang Dipertua, soalan yang kedua. Setakat ini, hanya ada tiga kawasan di dalam Daerah Barat Daya, Pulau Pinang yang telah diuntukkan khas bagi penempatan pemeliharaan ternakan babi.

- (b) Butir-butir kawasan berkenaan adalah seperti berikut:

<i>Tempat</i>	<i>Keluasan</i>	<i>Jumlah Plot yang disediakan</i>	<i>Bil. Penternak Babi</i>
(i) Jalan Batu Maung	64.7 ekar	138	52 (Telah diduduki)
(ii) Gertak Sanggul ...	24a. 3r. 31p.	34	15 (Telah diduduki)
(iii) Pantai Acheh ...	30 ekar	70	22 (Akan ditempatkan tidak lama lagi)
(Tempat sedang disediakan sekarang)			

(c) Masih tidak ada kawasan yang telah dikhaskan untuk penternak lembu. Akantetapi, setinggian-setinggian atas tanah Kerajaan yang menternak lembu-lembu dan yang terlibat oleh Rancangan-rancangan Pembangunan Kerajaan adalah ditempatkan semula di kawasan-kawasan penempatan semula yang sedia itu. Ini jawapan-jawapan kepada soalan-soalan.

Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahya bin Haji Mohamed Yusoff): Datuk Yang Dipertua, soalan yang ketiga.

3. Berapa ramaikah Penagih-penagih Dadah yang telah ditahan oleh pihak Polis Pulau Pinang?
- (i) Mengikut bilangan kaum
- (ii) Umur
- (iii) Jantina

Dan apa-apakah hukuman yang telah dijatuhkan terhadap mereka-mereka yang terlibat?

- (b) Apa-apakah caranya yang telah dijalankan oleh Kerajaan bagi mencegah menyalahguna Dadah ini daripada merebak lebih luas?
- (c) Adakah Kerajaan bercadang hendak mengadakan sebuah Pusat Pemulihan Dadah di dalam Negeri ini?
- (3) How many Drug Addicts have been detained by the Police of Penang?
- (i) according to racial breakdown
- (ii) age
- (iii) sex

And what are the punishment given to these who are involved?

- (b) What are the measures being taken by the Government to prevent the abuse of drugs from spreading?
- (c) Does the Government intend to set up a Drug Rehabilitation Centre in this State?)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah): Datuk Yang Dipertua, bagi tempoh mulai dari 1-1-1975 hingga 30-9-1975 bilangan orang-orang yang telah ditangkap ialah seramai 533 orang.

(i) *Mengikut Kaum*

120 orang Melayu, 309 orang Cina, 101 orang Hindu dan 3 orang dari kaum yang lain.

(ii) *Mengikut Umur*

Di antara 18—52 tahun kerana memiliki “Pokok Ganja”

Di antara 50—75 tahun kerana memiliki “Opium”

Di antara 18—49 tahun kerana memiliki “Morphine”

Di antara 14—62 tahun kerana memiliki “Heroin”

(iii) *Mengikut Jantina*

Lelaki—100 orang } kerana memiliki “Pokok Ganja”
Perempuan—seorang }

Lelaki—60—orang } kerana memiliki “Opium”
Perempuan—seorang }

Lelaki—34 orang } kerana memiliki “Morphine”
Perempuan—Tidak ada }

Lelaki—335 orang } kerana memiliki “Heroin”
Perempuan—2 orang }

Hukuman yang diperintahkan oleh Mahkamah

		<i>Pokok Ganja</i>	<i>Opium</i>	<i>Morphine</i>	<i>Heroin</i>
Penjara		43	21	22	113
Dihantar ke Sekolah		2	—	—	7
Pemulihan Akhlak					
Denda		—	27	5	11
Dijamin		33	3	3	86
Dibebaskan		—	—	—	2
Jumlah	...	78	51	30	219

Bagi menjawab perkara yang berkaitan dengan apa-apakah caranya yang telah dijalankan oleh Kerajaan bagi mencegah menyalahguna Dadah ini daripada merebak dengan luasnya. Kerajaan Negeri telah menubuhkan satu Jawatankuasa bagi mencegah Kesalahgunaan Dadah dalam Bulan Januari, 1974. Tugas-tugas penduanya ialah untuk merancang dan menjalankan aktiviti-aktiviti pencegahan tanpa mengganggu atau yang boleh melibatkan tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab yang dijalankan oleh jabatan-jabatan lain yang berkenaan seperti pihak Polis, Kas'am, Kementerian Kesihatan dan Biro Narkotik Pusat di dalam tugas mereka dalam menguatkuasa peraturan-peraturan berkenaan dengan dadah ini di bawah undang-undang. Perancangan bagi Negeri dan dasar-dasar berkaitan dengan pencegahan kesalahgunaan dadah akan diadakan oleh Jawatankuasa tersebut di peringkat Kebangsaan yang akan mengemukakan

keputusan-keputusan melalui Biro Narkotik Pusat kepada Jawatankuasa di peringkat Negeri untuk perlaksanaannya.

Jawatankuasa ini termasuk beberapa Ketua-ketua Jabatan dan orang-orang kenamaan dari Badan-badan Sukarela. Pengerusinya ialah Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pulau Pinang.

Jawatankuasa telah menganjurkan satu Pamiran Umum mengenai kesalahgunaan dadah yang telah diadakan di Dewan Sri Pinang dalam bulan Jun, 1975. Pamiran ini kemudiannya diadakan di lain-lain daerah dalam Negeri.

Disamping itu, kursus-kursus sibil, dialog-dialog dan perbincangan-perbincangan selalu diadakan dari semasa ke semasa di seluruh Negeri. Pegawai-pegawai dari Jabatan-jabatan Perubatan dan Kesihatan, Biro Narkotik Pusat, Badan-badan Hal Ehwal Ugama, Jabatan Pelajaran dan Jabatan Penerangan

telah dijemput untuk memberi ceramah-ceramah mengenai kesalahgunaan dadah kepada kanak-kanak sekolah, pekerja-pekerja kilang, kakitangan-kakitangan Kerajaan dari golongan-golongan yang berpendapatan rendah dan lain-lain pertubuhan-pertubuhan di atas permintaan. Ini adalah jawapan-jawapan yang saya berikan.

Datuk Yang Dipertua, walau bagaimanapun perkara dadah ini adalah satu perkara yang besar yang kalau terpaksa diharapkan kepada Kerajaan Negeri susah sedikit, tetapi adalah diharapkan kepada seluruh anggota-anggota kita dalam menyumbangkan secara perseorangan dalam hal mencegah dadah.

Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahya bin Haji Mohamed Yusoff): Yang Berhormat Datuk Speaker, tetapi sekarang soalan ialah berkenaan adakah Kerajaan bercadang hendak mengadakan Pusat Pemulihan Dadah di dalam Negeri ini?

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah): Dalam bahagian (c) masih tidak ada apa-apa rancangan untuk menubuhkan Pusat Pemulihan di dalam Negeri. Akan tetapi, penagih-penagih dadah boleh dimasukkan ke dalam Hospital Besar, Pulau Pinang dan Hospital Daerah di Bukit Mertajam bagi menjalankan perubatan di atas mereka yangmana pihak-pihak penagih dadah itu dapat layanan untuk mengubati mereka.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan tambahan, Datuk Speaker. Sebelum saya soal, saya mahu ucapkan selamat tahniah kepada Ahli Yang Berhormat dari Bertam kerana beliau telah membuat jawapan kepada Dewan ini. Saya ucapkan tahniah.

Soalan tambahan saya ialah adakah Kerajaan Negeri ada satu jawatan kuasa sendiri yang khas yang boleh mengambil bahagian berkenaan penagih-penagih dadah di dalam Negeri kita atau membuat kerja berkenaan perkara ini?

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Bagan Jermal, soalan itu ialah berkenaan dengan bahagian (c) yangmana Yang Berhormat dari Kawasan Bertam telah menjawab iaitu Yang Berhormat

sendiri boleh dengar iaitu penagih-penagih dadah dihantar ke Hospital Pulau Pinang dan Bukit Mertajam. Jadi soalan itu sudah dijawab, jadi soalan itu tidak payah dijawab lagi.

Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahya bin Haji Mohamed Yusoff): Yang Berhormat Datuk Yang Dipertua Dewan, soalan keempat.

4. Sudahkah Kerajaan mengadakan tapak-tapak gantian yang sesuai bagi pembela-pembela lembu yang terlibat dengan projek-projek Kerajaan dalam Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. Jika ada, berapakah keluasan nya? Dan di manakah tempatnya.
- (4. Has the Government set up proper alternative sites for the cow-rearers who are involved in the Government projects in South West District, Penang, if there is, what is the acreage and where is the location?)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah): Soalan keempat, belum ada kawasan yang tertentu yang telah diketepikan untuk menempatkan semula pembela-pembela lembu. Walau bagaimanapun setinggan-setinggan yang membela lembu di atas tanah Kerajaan yang terlibat dengan Rancangan Pembangunan Kerajaan adalah diberi tempat di kawasan penempatan semula yang sedia ada.

(III) Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad) bertanya kepada Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, soalan yang pertama.

1. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa tanah yang bersempadan di antara Negeri Kedah dan Perak bagi tiap-tiap antara Negeri-Negeri itu dengan Negeri kita ada mempunyai tanah rezab bagi tiap-tiap buah Negeri ini ada mempunyai 150 kaki?
 - (a) Jika jawapannya ada, adakah Kerajaan Negeri mengambil sebarang cukai kepada pengguna atau pengusaha-pengusaha terutama sekali Estate-Estate yang terlibat di kawasan-kawasan itu.
 - (b) Jika jawapannya tidak, kenapakah ada nama 2 buah kampung yang telah dinamakan kampung tiga ratus kaki (300 kaki). Letaknya kampung bersempadan antara Seberang Perai dengan Kedah (sebelah di Kedah dan sebelah di Seberang Perai. Contoh $150 \times 2 = 300$ kaki)?
- (1. Is the Honourable the Chief Minister aware that the boundary between

the State of Kedah and Perak and our State has a land reserve of 150 feet.

- (a) If the answer is yes, does the State Government impose any tax on those using the land of industrialists especially Estates which are involved in the areas?
- (b) If the answer is no, why are there two kampongs being named Kampong Tiga Ratus Kaki which are situated on the bordered of Province Wellesley and Kedah (a part of the kampong is in Kedah and another in Province Wellesley example $150 \times 2 = 300$ feet?)

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Bakar): Datuk Yang Dipertua, buat menjawab soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Tasek Glugor jawapannya kepada paragraph (a) ialah "Ya." Mengikut soalan yang ada di depan ini iaitu hasil geran dan bayaran Lesen Tumpangan Sementara ada dikutip daripada mereka-mereka yang menggunakan tanah rezab ini.

Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad): Datuk Yang Dipertua, soalan kedua.

2. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa masih banyak lagi tanah-tanah T.O.L. yang masih tidak digerankan. Jika sedar apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi mempercepatkan pengeluaran geran-geran kepada pemilik-pemilik?
- (2). Is the Honourable Chief Minister aware that there are many lands on T.O.L. which are still not issued with titles. If he is aware, what action is taken by the State Government to expedite the issue of titles to the occupants?)

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Bakar): Datuk Yang Dipertua, buat menjawab soalan yang kedua, saya ingin menegaskan di sini bahawa tanah secara Lesen Tumpangan Sementara (T.O.L.) hanya merupakan satu lesen milik sementara yang diberi kepada pemilik dari satu tahun kepada satu tahun, iaitu mesti diperbaharui pada tiap-tiap awal tahun. Ia tidak boleh dipindahkan. Apabila tarikhnya luput, tanah tersebut termasuk semua harta-harta tidak boleh dipindah dan tanah itu akan menjadi hak Kerajaan Negeri. Dan

soalan samada Kerajaan hendak mengeluarkan geran tetap di atas satu tanah T.O.L. bergantunglah kepada dasar Kerajaan samada Kerajaan hendak menggunakan tanah itu bagi sesuatu rancangan atau tujuan awam pada masa hadapan. Sekiranya Kerajaan tidak samasekali menerima hendak menggunakan tanah tersebut maka adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mengeluarkan geran-geran tetap di atas tanah itu. Dan sekiranya Kerajaan ada rancangan hendak menggunakan tanah yang tersebut akan tetapi rancangan itu tidak akan dilaksanakan dalam beberapa tahun lagi, misalnya dalam masa 15 tahun, maka adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mengeluarkan geran selama tempoh rancangan tersebut belum dilaksanakan. Bagi tanah-tanah tersebut, Kerajaan dengan seberapa boleh akan mempercepatkan pengeluaran geran tanah. Dan seperti biasa Kerajaan akan mengeluarkan lesen milik sementara di atas tanah Kerajaan yang hendak digunakan di dalam sedikit masa lagi. Itu jawapan soalan yang kedua.

Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad): Soalan ketiga.

3. Adakah atau tidak kuasa pemutus diberikan kepada Jawatankuasa petugas bagi mengkaji masalah-masalah penyertaan Bumiputra dalam bidang ekonomi di Negeri Pulau Pinang jika berbangkit apa-apa juga masalah.
- (3). Is there any final authority given to the Working Committee for studying the problems of Bumiputra participation in the economy of the State of Penang should such problems arise?)

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Bakar): Datuk Yang Dipertua, buat menjawab soalan yang ketiga, mengikut "Garis Panduan" nya Pasukan Petugas hanya dikehendaki membuat kajian terhadap masalah-masalah penyertaan Bumiputra dan membuat perakuan-perakuan. Ianya tidak diberi kuasa bagi menguruskan perlaksanaan yang sebenar projek-projek ataupun bertindak sebagai pihak berkuasa yang muktamad dalam sebarang pertelingkahan. Menteri yang berkenaan akan membuat keputusan-keputusannya mengikut penyerahan perakuan-perakuan Pasukan Petugas.

Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad): Datuk Speaker, soalan keempat.

4. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberi penjelasan kepada Dewan ini berapa ramai anak-anak Bumiputra Negeri Pulau Pinang yang telah diberikan Biasiswa oleh Kerajaan Negeri di bawah peruntukan wang State Financial Aid sejak dari tahun 1969 hingga tahun 1975. Sila berikan butir-butir yang lengkap bagi tahun 1969, 1970, 1971, 1972, 1973, 1974 dan 1975.
- (4. Can the Honourable Chief Minister clarify to this House how many Bumiputras in the State of Penang were awarded Scholarship by the State Government under the State Financial Aid Fund from the year 1969 to the year 1975. Please give details for the years 1969, 1970, 1971, 1972, 1973, 1974 and 1975.)

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Bakar): Datuk Yang Dipertua, bilangan pelajar-pelajar Bumiputra di dalam Negeri yang diberi Biasiswa yang dibayar daripada Kumpulanwang Negeri adalah seperti berikut:

Di dalam tahun 1969	—	7 orang
Di dalam tahun 1970	—	6 orang
Di dalam tahun 1971	—	1 orang
Di dalam tahun 1972	—	8 orang
Di dalam tahun 1973	—	2 orang
Di dalam tahun 1974	—	7 orang
Di dalam tahun 1975	—	11 orang

Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad): Datuk Yang Dipertua, soalan kelima.

5. Adakah atau tidak Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan melantik Dewan Perniagaan Melayu Pulau Pinang, Persatuan Penjaja-penjaja dan Perniagaan Kecil Melayu Pulau Pinang serta orang perseorangan untuk menduduki bersama dengan Jawatankuasa Petugas Negeri Pulau Pinang?
- (5. Does the State Government of Penang plan to appoint the Malay Chambers of Commerce Penang, Malay Hawkers and Petty Traders Association and individuals to sit in the State Working Committee, Penang?)

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Bakar): Datuk Yang Dipertua, soalan kelima, anggota-anggota Pasukan Petugas ini adalah dilantik oleh Kerajaan Persekutuan. Bagaimanapun, Kerajaan

Negeri boleh melantik lain-lain pegawai apabila diperlukan nanti.

Wakil-wakil dari Dewan Perniagaan Melayu Persatuan Peniaga-peniaga kecil dan orang persaoorangan akan dijemput untuk membantu Pasukan Petugas ini dalam perbincangannya.

Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad): Datuk Speaker, soalan keenam.

6. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan campur tangan mengenai dengan krisis yang sedang berlaku di antara 3 kesatuan sekerja di Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang bagi mengatasi masalah Pekerja-pekerja L.P.K.T. dengan pihak L.L.N. yang akan mengambilalih itu?
- (6. Does the Government intend to intervene in the crisis between the 3 Unions in Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Pulau Pinang to solve the problem of the workers of L.P.K.T. and N.E.B. who will be taking over?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, Kerajaan Negeri sedang mengikut dengan rapatnya atas perbincangan-perbincangan yang diadakan di antara kesatuan-kesatuan Sekerja dengan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan mengenai cadangan Lembaga Letrik Negara untuk mengambilalih Jabatan Bekalan Letrik, Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan.

Masalah-masalah Kesatuan Sekerja dan buruh akan diuruskan dengan sewajarnya oleh Kementerian Buruh.

(IV) Kawasan Bukit Glugor (Encik Tan Gim Hwa) bertanya kepada Ketua Menteri:

Datuk Yang Dipertua, soalan yang pertama.

1. Pada masa Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang melancarkan projek perumahan di Bayan Lepas, tujuannya adalah untuk menampung keperluan-keperluan perumahan industri di sana. Adakah dasar ini masih dipatuhi? Jika ada, berapa ramai pembeli-pembeli adalah pekerja-pekerja di Kawasan Perusahaan Bayan Lepas? Jika tidak mengapa?
- (1. At the time when Penang Development Corporation launched the housing projects at Bayan Lepas, it was to meet the housing needs of the industries there. Is this policy still

being adhered to? If so, how many of the purchasers are workers in the Bayan Lepas industrial area? If not, why?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, pembangunan bandar baru, Bandar Bayan Baru, adalah bertujuan untuk mencapai tiga objektif yang luas:

Pertama, ianya adalah selaras dengan strategi Pembangunan Negeri pada keseluruhannya dalam Perbandaran dan Perindustrian Luar Bandar mengikut Dasar Ekonomi Baru.

Kedua, ianya dirancang sebagai satu langkah pertama dalam membangunkan satu sektor bandar yang kukuh yang bukan sahaja untuk memperluaskan lagi asas ekonomi Negeri bahkan juga untuk menambahkan dan menjalankan rancangan pembangunan di sektor-sektor yang lain, khususnya dalam sektor perindustrian.

Dan yang ketiga, tujuan pembangunan itu juga bertujuan untuk menemui kekurangan perumahan yang terdapat dalam Negeri.

Dalam usah memperuntukkan rumah-rumah kepada mereka-mereka yang memohon apabila permohonan bagi rancangan perumahan pada masa sekarang dibuka kepada orang ramai, pemohon-pemohon yang bekerja di kilang-kilang dan pemohon-pemohon yang mempunyai anak-saudara yang bekerja di kilang tersebut telah diberi keutamaan. Akan tetapi, bila tawaran-tawaran ini diberi kepada mereka, terdapat beberapa daripada mereka yang tidak menyambut tawaran-tawaran itu.

Lembaga Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang kemudiannya memutuskan untuk membuka jualan rumah-rumah kepada orangramai atas dasar layanan diberi kepada mereka-mereka yang terdahulu.

Sehingga hari ini sejumlah 39 pembeli-pembeli di rancangan perumahan Bandar Bayan Baru adalah kakitangan dari berbagai-bagai kilang yang menjalankan perusahaan di kawasan tersebut. Di samping itu, terdapat ramai di antara pembeli-pembeli yang mempunyai salah seorang daripada keluarga mereka yang bekerja di kilang-kilang ini. Tambahan pula, adalah dijangka

bahawa bila semua rumah disiapkan, kemudahan penginapan bagi pekerja-pekerja kilang di Bandar Bayan Baru akan mencukupi.

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Tan Gim Hwa): Datuk Yang Dipertua, soalan kedua.

2. Berapa peratuskah rumah-rumah yang telah dijual berkaitan dengan yunit-yunit yang telah siap atau hampir siap di rancangan perumahan Bayan Lepas dan Bagan Serai? Sila beri angka pecahan pembeli-pembeli mengikut kaum?
- (2. What is the percentage of the houses already sold in relation to the total number of units completed or near completion at the Bayan Lepas and Bagan Serai housing projects? Give the break-down of the buyers in terms of race?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, di dalam Rancangan Perumahan Bandar Bayan Baru, sejumlah 483 yunit atau 86.66% daripada 551 yunit yang disediakan telah dijual. Bagi Rancangan Bagan Serai pula, semua yunit-yunit yang sedang dibina, iaitu sebanyak 313 yunit, telahpun dijual. Berikut ialah satu huraian mengenai pembeli-pembeli mengikut kaum.

	<i>Bandar Bayan Baru</i>	<i>Bagan Serai</i>
Kaum Bumiputra	31.68%	30.36%
Kaum Cina ...	65.63%	65.49%
dan India ...	2.07%	3.52%
Lain-lain ...	0.62%	0.63%

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Tan Gim Hwa): Soalan ketiga.

3. Berapakah jumlah ekar tanah perusahaan yang dijual bagi tempoh mulai 1hb Januari, 1975 sehingga 30hb September, 1975 dan berapakah jumlah ekar sebenarnya telah dijual bagi tiap-tiap tempoh yang sama dalam tahun-tahun 1972, 1973 dan 1974?
- (3. What is the total acreage of industrial land sold for the period from 1st January, 1975 to 30th September, 1975 and what are the total acreage for each of the corresponding periods in 1972, 1973 and 1974?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, jumlah keluasan ekar tanah perusahaan yang dijual dalam tempoh mulai dari 1hb Januari hingga 30hb

September bagi tahun-tahun yang berikuk, adalah seperti di bawah ini.

Tahun 1975 ...	20.21 ekar
Tahun 1974 ...	143.92 ekar
Tahun 1973 ...	265.32 ekar
Tahun 1972 ...	239.35 ekar

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Tan Gim Hwa): Soalan yang keempat.

4. Berkaitan dengan Projek Angkasa Perdana Pulau Pinang, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan:

(a) Apakah jumlah bayaran profesional yang telah dibayar kepada Akitek Jurubina Tiga sehingga 30hb Jun, 1975?

(b) Bilakah kontraktor Seng Seng Construction Sdn. Bhd. memulakan kerja-kerja pembinaan dan bilakah bayaran ansuran yang pertama harus dibayar, tarikh bayaran yang dibuat dan jumlah?

(c) Tarikh dan jumlah bayaran berbagai-bagai bayaran yang dibayar kepada Akitek Jurubina Tiga dan kontraktor sejak permulaan projek sehingga 30hb September, 1975.

- (4. With regards to the Project Angkasa Perdana Pulau Pinang, can the Honourable Chief Minister tell the House:

(a) What is the total amount of professional fees paid to Architect Team 3 up to 30th June, 1975?

(b) When did the contractor Seng Seng Construction Sdn. Bhd. first commence construction work and when was the first progress payment due, date payment made and amount?

(c) The date and amount of the various payments made to Architect Team 3 and the contractor since commencement of the project up to 30th September, 1975.)

Datuk Yang Dipertua, kedudukan kewangan Negeri ini masih sangat kukuh. Pada awal tahun 1976 Baki Hasil Am Negeri dianggarkan berjumlah sebanyak \$11,298,407. Memandangkan kepada kurangan yang dijangkakan, adalah dianggarkan bahawa setakat penghujung tahun 1976, Baki Hasil Am akan berjumlah sebanyak \$10,497,367. Keadaan ini boleh dikatakan baik jika dibandingkan dengan kedudukan Baki Hasil Am pada tahun-tahun yang lampau. Datuk Yang Dipertua, pada tahun 1973 ianya berjumlah sebanyak \$9,658,900; pada tahun 1974 angka sebenarnya ialah \$11,288,107 dan angka yang diulangkaji bagi tahun 1975 ialah \$11,298,407.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu ingat bahawa Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun 1975 telah dikemukakan dengan lebih kecil sebanyak \$211,600. Anggaran-anggaran yang dikaji semula bagi tahun 1975 menunjukkan bahawa kita akan mempunyai lebih sebenarnya sebanyak \$10,300. Ahli-ahli Yang Berhormat tentu sedar bahawa prestasi kita dalam melaksanakan Belanjawan tahun lepas adalah tersangat baik. Kerajaan Negeri berazam mengetatkan lagi kawalannya terhadap perbelanjaan pengurusan dalam tahun 1976. Ini adalah selaras dengan usaha berjimat-cermat yang telah dilancarkan di seluruh negara oleh Y.A.B. Perdana Menteri Tun Haji Abdul Razak bin Hussein demi mengatasi kesan-kesan buruk kemerosotan.

Datuk Yang Dipertua, Kerajaan Negeri sebenarnya telah mula mengurangkan dengan sebanyak yang boleh perbelanjaan pengurusan, khususnya dalam perbelanjaan yang berulang tahunan semasa membentangkan Belanjawan Tahun 1974. Dasar Kerajaan dan kesan-kesan perlaksanaan polisi ini telah membolehkan kita mengekalkan kedudukan kewangan yang kukuh di Negeri ini. Bagaimanapun, Ahli-ahli Yang Berhormat harus memperhatikan, khususnya semasa mengkaji Rang Undang-undang Perbekalan bersekali dengan Anggaran Pembangunan yang dicadangkan bagi tahun 1976, bahawa Kerajaan Negeri akan terus memperkembangkan asas ekonomi kita demi mengujudkan sumber-sumber hasil yang

lebih besar di masa hadapan serta mengekalkan pembangunan sosio-ekonomi untuk faedah rakyat.

Datuk Yang Dipertua, pembentangan Belanjawan tahun 1976 telah menunjukkan kemajuan sistem 'belanjawan perancangan dan prestasi'—programme and performance budgeting—yang telah diamalkan. Sistem Kod baru untuk hasil telah dilancarkan selari dengan Sistem Belanjawan Perancangan dan Prestasi Kerajaan Pusat. Sistem Kod baru ini telah diusahakan oleh Perbendaharaan Negeri kita agar mengadakan kawalan kewangan yang lebih baik. Langkah-langkah membaiki lagi Sistem Belanjawan kita ini akan membolehkan Kerajaan Negeri mengawasi dan mengawal perbelanjaan dengan lebih mendalam dan teliti. Prestasi dan beban kerja segala Jabatan-jabatan kini dapat disukat dengan lebih teratur. Kajian terhadap Lampiran 'A' kepada Kertas No. 14, Tahun 1975, akan membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat menghargai lingkungan matlamat-matlamat keseluruhan dan tanggungan-tanggungan Kerajaan dalam tahun kewangan 1976.

Adalah boleh dibanggakan bahawa Pulau Pinang ialah Negeri yang ulung mengamalkan dengan sepenuhnya Sistem Belanjawan Perancangan dan Prestasi yang akan membolehkan kita menggunakan sumber-sumber kita dengan sepenuhnya. Sistem Kod baru bagi Hasil-hasil ini telah diusahakan oleh Perbendaharaan Negeri kita dengan bantuan Jabatan Odit. Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan syabas kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kedua-dua jabatan di atas usaha-usaha mereka itu.

Datuk Yang Dipertua, anggaran hasil bagi tahun 1976 ialah sebanyak \$35,228,500 dan sekarang juga, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada kadar tambahan hasil yang telah diperolehi oleh Kerajaan Negeri dalam tempoh beberapa tahun yang lampau. Pada tahun 1972, hasil yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri telah meningkat ke paras \$30,556,021. Bagaimanapun, pada tahun 1973 dengan penubuhan Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang, dan pengam-

bilan alih pungutan-pungutan Bekalan Air dan Cukai Air, serta semua butiran-butiran hasil berkaitan dengan Bekalan Air oleh Pihak Berkuasa itu, maka hasil-hasil Negeri yang sebenarnya bagi tahun 1973 berjumlah sebanyak \$25,205,582. Semenjak itu, sungguhpun perolehan hasil kita dalam tahun 1974 dianggarkan sebanyak \$27,047,115, tetapi kutipan yang sebenarnya adalah berjumlah \$28,235,876 yakni tambahan sebenarnya sebanyak \$3,030,294. Pada tahun 1975 pula anggaran hasil ialah sebanyak \$32,103,510 tetapi pada akhir bulan September anggaran yang dikaji semula bagi tahun 1975 ialah sebanyak \$30,184,740 yakni merupakan kekurangan sebanyak \$1,918,770. Sebab utama bagi kekurangan ini ialah imbuhan sebanyak \$1,500.00 daripada Kerajaan Pusat untuk Caruman Bantuan Cukai telah dibuat kepada Kerajaan Negeri pada penghujung tahun 1974 dan bukan pada tahun 1975 seperti mana yang telah diramalkan pada masa itu. Apa yang saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat, terutama sekali Ahli daripada kawasan Bagan Jermal, ialah tambahan dalam perolehan hasil kita di antara tahun 1974 dan 1975 ialah dalam lingkungan \$1,948,864. Anggaran Hasil dalam tahun 1976 akan menunjukkan tambahan sebanyak \$5,043,760.

Dengan yang demikian peri mustahaknya Rang Undang-undang Perbekalan 1976 dapatlah difahami dengan jelasnya. Kerajaan harus mengekalkan kadar tambahan yang sebenarnya dalam usaha mendatangkan hasil-hasil di dalam Negeri ini dan jentera pentadbiran Negeri pula mesti berupaya bertugas dengan berkesan dalam pemungutan perkara-perkara hasil yang dijangkakan ini. Bagaimanapun, sebelum kita mengkaji perkara-perkara hasil itu secara mendalam, saya ingin menegaskan kepada Dewan ini unsur jimat-cermat yang dititikberatkan oleh Rang Undang-undang Perbekalan ke atas pentadbiran. Adalah nyata bahawa perbelanjaan pengurusan tahunan kita telah beransur meningkat tahun demi tahun. Kenaikan-kenaikan gaji biasa sahaja adalah di antara 12% hingga 15% setahun. Akan tetapi kadar tambahan hasil tahunan hanya

dapat dikekalkan setakat 12%. Oleh hal yang demikian, Kerajaan Negeri berazam mengadakan kawalan yang seberapa ketat terhadap Perbelanjaan Berulang Tahunan dan Sementara itu mendapatkan usaha yang maksima daripada pihak pentadbiran demi mengekalkan kadar kemajuan dan mutu pentadbiran di dalam Negeri ini.

Datuk Yang Dipertua, sepertimana yang telah saya sebutkan tadi, kedudukan kewangan Negeri ini adalah kukuh. Kita mempunyai Baki Hasil Am yang tersangat meyakinkan. Rakyat kita telah menunjukkan bahawa mereka sentiasa rela bekerjasama dengan Kerajaan dalam usaha-usaha kita ke arah meninggikan taraf sosio-ekonomi di dalam Negeri kita dan Kerajaan pula telah membuktikan bahawa ianya berupaya mengurangkan dengan berkesan perbelanjaan pengurusan sambil mengekalkan taraf pentadbiran yang tinggi. Kerajaan tidak akan mengenakan sebarang cukai-cukai baru bagi tahun 1976. Datuk Yang Dipertua, sebenarnya disebabkan tahun kewangan rumit yang dijangkakan dalam tahun 1976, Kerajaan Negeri bercadang meringankan kesulitan-kesulitan yang mungkin dihadapi oleh penduduk-penduduk Pulau Pinang dengan memberi pengurangan selanjutnya sekitar 5% ke atas sewa tanah serta menurunkan kadar cukai parit dan taliair sebanyak 10%.

Datuk Yang Dipertua, adalah wajar bahawa dalam membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan yang penting ini, kita patut mengkaji dengan teliti kepunyaan kita dalam usaha mendatangkan hasil. Ahli-ahli Yang Berhormat harus sedar bahawa punca-punca hasil Negeri ini terbahagi kepada tiga kategori utama yakni:

- (a) Hasil Cukai
- (b) Hasil bukan-cukai
- (c) Penerimaan-penerimaan bukan-hasil.

Adalah dengan mengkaji perkaitan hasil cukai kita, yang merupakan usaha-usaha rakyat Negeri Pulau Pinang demi memenuhi kehendak-kehendak Rang Undang-undang Perbekalan kita tiap-tiap tahun, dengan penerimaan-penerimaan bukan-hasil yang merupa-

kan bantuan-bantuan dan imbuhan-imbuhan dari Kerajaan Pusat, maka Ahli-ahli Yang Berhormat boleh mula memahami betapa baiknya sambutan rakyat Pulau Pinang terhadap cabaran-cabaran kemajuan ekonomi.

Pada tahun 1974 hasil-hasil cukai kita telah berjumlah sebanyak \$8,988,962 dan pada tahun 1975 pula sebanyak \$9,498,000. Pada tahun 1976, memandangkan kepada keadaan-keadaan sulit yang dijangkakan serta keazaman Kerajaan untuk meringankan kesan-kesan tekanan kewangan ke atas rakyat akibat dari kemerosotan yang dijangkakan, kita akan menyediakan belanjawan yang menunjukkan sedikit pengurangan dalam jumlah hasil cukai kita dan memperuntukkan hanya sebanyak \$9,435,000 sahaja. Datuk Yang Dipertua, bagaimanapun, penerimaan-penerimaan bukan-hasil dalam bentuk bantuan-bantuan dan imbuhan-imbuhan dari Kerajaan Pusat, dan sebagainya bagi tahun 1974 telah berjumlah sebanyak \$10,954,664 dan pada tahun 1975 sebanyak \$10,356,610; pada tahun 1976, penerimaan-penerimaan yang dianggarkan akan berjumlah \$11,863,290 kerana kita menjangkakan tambahan imbuhan untuk gaji-gaji bagi kumpulan pekerja-pekerja perusahaan dan buruh kasar, sebanyak \$1,650,000.

Perbandingan penting yang saya ingin membawa ke perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini ialah Negeri ini dapat menyatakan dengan bangganya bahawa usaha-usaha kita sendiri telah bersetandingan dengan pemberian-pemberian dan imbuhan-imbuhan Kerajaan Persekutuan yang diperuntukkan mengikut Perlembagaan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri. Kita dapat menyatakan bahawa kita hampir mencapai suatu peringkat di mana rakyat Pulau Pinang melalui usaha-usaha mereka sendiri berupaya menyamai Pemberian-pemberian Kerajaan Pusat hampir atas dasar seringgit, untuk seringgit. Apabila kita meninjau keteguhan hasil bukan-cukai kita yang telah mendatangkan sebanyak \$8,292,250 dalam tahun 1974 serta anggaran ulangkaji sebanyak \$10,330,130 bagi tahun 1975 dan anggaran perolehan sebanyak \$13,930,210 bagi tahun 1976, barulah kita mula

menyedari betapa kesannya penubuhan ejensi-ejensi Negeri seperti Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang.

Datuk Yang Dipertua, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa punca tambahan yang paling besar pada hasil kita boleh didapati apabila dikaji hasil-hasil bukan cukai. Pada tahun 1976 adalah dianggarkan iaitu faedah dari pinjaman-pinjaman akan menghasilkan sebanyak \$5,929,200 berbanding dengan \$3,642,120 pada tahun 1975 dan \$1,388,866 pada tahun 1974. Jumlah tambahan dari 1975 ke 1976 ialah sebanyak \$2,287,080 yakni tambahan sekadar 62.79%. Tidaklah tepat jika Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil kira angka ini sebagai suatu perkara hasil semata-matanya. Yang sebenarnya ialah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, yang diterima umum sebagai ejensi pembangunan utama Kerajaan Negeri, sedang menanggung bahagian besar beban membayar balik modal dan faedah pinjaman yang dahulunya dipinjam oleh Kerajaan Negeri dari Kerajaan Persekutuan. Kebolehan kita membayar balik pinjaman-pinjaman dan memikul tanggungan-tanggungan inilah yang telah mengasaskan kemudahan negeri kita mendapatkan kredit atau *credit-worthiness of the State*. Tambahan Peruntukan dalam tahun 1976 menandakan keazaman kita menemui tanggungan-tanggungan dan pinjaman-pinjaman kita dengan sempurna dan segera, khususnya berhubung dengan pinjaman baru sejumlah \$25 juta yang Kerajaan Pusat baru sahaja perolehi bagi Kerajaan Negeri daripada suatu konsortium bank-bank tempatan.

Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memperhatikan bahawa dalam hasil-hasil bukan-cukai, anggaran faedah dan kira-kira simpanan tetap dan pelaburan-pelaburan yang lain hanya menunjukkan kenaikan tambahan sekadar 0.26% lebih daripada jumlah bagi tahun 1975. Anggaran hasil sebanyak \$1,182,730 mencerminkan arah aliran surut kadar-kadar faedah bank dan tidak mengambil kira jumlah sebenarnya di dalam simpanan tetap. Adalah dengan menginsafi sekatan-sekatan terhadap hasil

yang diperolehi dari faedah-faedah simpanan tetap, maka Kerajaan Negeri telah dapat mencari cara-cara baru untuk pemanduan kewangan ke arah keupayaan kewangan yang lebih luas bagi Negeri ini.

Datuk Yang Dipertua, Penyaluran kewangan Kerajaan kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, khususnya untuk tujuan-tujuan pembangunan dan kelulusan Enakmen-enakmen berikut oleh Dewan ini baru-baru ini:

- (a) Enakmen Pinjaman (Persekutuan) (Pembangunan Projek-projek Perusahaan, Perdagangan dan Perumahan), 1975;
- (b) Enakmen Pinjaman (Bank-bank) (Pembangunan Projek-projek Perusahaan, Perdagangan dan Perumahan), 1975; dan
- (c) Enakmen Jaminan Pinjaman (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang), 1975.

telah memperluaskan lagi keupayaan kewangan kita seperti yang tercermin pada kemampuan-kemampuan kita di dalam Anggaran Pembangunan. Sungguhpun kawalan mesti dikekalkan terhadap belanjawan pengurusan Negeri demi mencerminkan pengawasan tegas Kerajaan Negeri terhadap segala peruntukan wang yang disalurkan olehnya untuk maksud pembangunan, akan tetapi saya yakin bahawa dengan kerjasama rapat rakyat, Kerajaan akan terus mengekal dan memajukan kebolehan kita mendatangkan hasil-hasil baru bagi menetapkan kedudukan kewangan yang kukuh di Negeri kita.

Datuk Yang Dipertua, sungguhpun sewa tanah dijangka mendatangkan 52.99% daripada jumlah yang dianggarkan dari hasil cukai, peruntukan bagi 1976 adalah kurang daripada tahun 1975. Ini mencerminkan keputusan Kerajaan memberi pengurangan tambahan sekadar 5% atas sewa tanah demi meringankan kegentingan ke wang yang diramalkan akan dihadapi oleh rakyat dalam keadaan kemerosotan tahun 1976. Adalah menjadi hasrat Kerajaan dapat mengurangkan kesusahan yang mungkin dialami oleh penduduk Negeri Pulau Pinang akibat dari kemerosotan ini dan Ahli-ahli Yang Berhormat tentu sedar bahawa

ini adalah satu lagi bukti keazaman Kerajaan hendak menunaikan tanggungjawabnya demi kepentingan rakyat serta membantu mereka di masa kesusahan.

Datuk Yang Dipertua, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya kepada hakikat bahawa bayaran-bayaran sewa tanah boleh diambil kira dalam kadar Nilai Taksiran Tahunan harta-harta bagi pengiraan cukai-cukai taksiran yang mereka harus membayar kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Ini menunjukkan dengan nyatanya keazaman Kerajaan hendak mengurangkan sebarang kesusahan yang mungkin ditanggung oleh rakyat. Kerajaan telahpun menubuhkan sebuah Jawatankuasa bagi mengkaji rayuan rayuan kerana kesukaran membayar sewa tanah dan atas perakuan Jawatankuasa Rayuan ini, kes-kes kesusahan yang tertentu telahpun diberi pengurangan sewa melebihi 10% yang telah diberi dahulu. Saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terimakasih kepada penduduk Pulau Pinang di atas cara yang mereka telah menyokong Kerajaan dalam memajukan keupayaan kewangan kita melalui sewa tanah.

Bahagian besar daripada rakyat kita telah memberi sambutan yang amat menggalakkan. Sungguhpun demikian ada lagi mereka-mereka yang mempunyai tunggakan-tunggakan sewa tanah yang banyak dan inilah yang sangat membimbangkan Kerajaan. Oleh kerana kebanyakan daripada rakyat kita telah memberi sambutan yang amat baik serta menjelaskan bayaran-bayaran sewa tanah mereka apabila tiba masanya dan oleh kerana Kerajaan telah menunjukkan dengan nyatanya bahawa Kerajaan mengetahui kesusahan rakyat serta kesanggupan Kerajaan menimbangkan kes-kes kesusahan yang tulin pada setiap masa, maka Kerajaan akan mengambil tindakan yang tegas mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan tertentu untuk mendapatkan tunggakan-tunggakan bayaran sewa tanah ini. Hanyalah adil dan saksama jika sebilangan kecil rakyat ini yang mengalpakan kewajipan mereka untuk menanggung beban tanggungjawab kewangan di dalam sebuah Negeri ber-

dikari seperti ini dipaksa menurut contoh yang diberi oleh bahagian besar rakyat kita secara demokratik.

Datuk Yang Dipertua, keputusan Kerajaan memberi pengurangan am 10% ke atas Cukai Parit dan Taliair bagi tahun 1976 selanjutnya merupakan keazaman Kerajaan membantu penduduk-penduduk di luar bandar demi mengatasi kesulitan-kesulitan yang diramalkan berikutan dari kemerosotan dalam tahun 1976. Adalah juga diharapkan bahawa pengurangan 10% terhadap Cukai Parit dan Taliair akan memberi penggalakan seterusnya kepada rakyat di kawasan-kawasan luarbandar supaya tetap melaksanakan rancangan-rancangan Buku Hijau yang telah dilancarkan di Negeri ini.

Datuk Yang Dipertua, mungkin pada sepintas lalu Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1976 merupakan suatu belanjawan statik. Tetapi sebenarnya Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1976 mencadangkan suatu belanjawan yang teguh dan anjal bagi Negeri ini—both a strong as well as a resilient budget. Peruntukan bagi perbelanjaan Perbekalan dalam tahun 1976 ialah sebanyak \$22,570,090. Sepertimana yang telah saya nyatakan tadi, sebahagian besar daripada tambahan ini ialah berikutan dari kenaikan-kenaikan gaji biasa menurut peruntukan-peruntukan Lapuran Suffian. Bagi tahun 1976, Rang Undang-undang Perbekalan mengadakan peruntukan bagi tambahan untuk gaji sejumlah \$1,799,700. Ini merupakan tambahan sebanyak 14.72% jika dibandingkan dengan angka bagi tahun 1975. Oleh kerana peruntukan bagi gaji kakitangan merupakan 39.33% daripada jumlah belanjawan bagi perbelanjaan yang diperuntukkan dan yang telah dipertentukan, maka tambahan dalam gaji-gaji tetap memberi kesan yang besar terhadap perbelanjaan berulang tahunan Negeri ini, dalam sesuatu tahun.

Datuk Yang Dipertua, Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyokong sepenuhnya kempen berjimat-cermat yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Haji Abdul Razak bin Hussein. Kerajaan akan mengenakan kawalan yang tegas

ke atas perbelanjaan Berulang Tahunan serta mengurangkan perbelanjaan itu agar kita dapat memperolehi faedah yang maksima daripada hasil-hasil tambahan yang diusahakan oleh rakyat kita dan sambil itu memperolehi kecukupan yang setinggi-tingginya daripada kakitangan kita. Jawatan-jawatan baru tidak akan diwujudkan bagi tahun 1976 tetapi adalah dijangkakan bahawa jawatan-jawatan yang telah diwujudkan pada tahun 1974 akan dipenuhi. Kerajaan Negeri berazam mengekalkan kadar kemajuan di dalam Negeri ini serta melanjutkan pembangunan yang seberapa pesatnya yang dapat mendatangkan faedah kepada rakyat kita.

Datuk Yang Dipertua, peruntukan-peruntukan perbelanjaan bagi Jabatan Kerja Raya dan bagi Jabatan Parit dan Taliair merupakan 28.11% daripada jumlah peruntukan bagi perbelanjaan tahun 1976. Peruntukan bagi Parit dan Taliair ditambah sebanyak \$563,180 dan bagi Jabatan Kerja Raya pula ditambah sebanyak \$1,481,900. Dengan ini terbukti bahawa Kerajaan Negeri ingin mengekalkan serta memperbaiki lagi perkhidmatan-perkhidmatan infrastruktur dalam Negeri ini, khususnya di dalam kawasan-kawasan luarbandar.

Datuk Yang Dipertua, sungguhpun sekatan-sekatan belanjawan yang dicadangkan bermakna bahawa segala perbelanjaan yang tidak perlu yang boleh diramalkan telahpun dipotong setakat mana yang boleh, semua jabatan-jabatan Negeri telah diberi peruntukan yang bertambah bagi membolehkan mereka menyamai kadar pembangunan di Negeri ini pada keseluruhannya. Khususnya, Pejabat Hakmilik Tanah telah diberi 41.8% lebih daripada anggarannya bagi tahun lalu. Adalah mustahak bagi jabatan ini melaksanakan sepenuhnya tugas menyediakan hakmilik-hakmilik muktamad. Datuk Yang Dipertua, ingin saya mengambil peluang ini untuk mengingatkan Dewan ini dan orang-ramai di Negeri ini bahawa di bawah peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Negara 1966, urusan penukaran hakmilik mesti diselesaikan menjelang tahun 1978, sungguhpun Kerajaan Negeri telah menyediakan perbelanjaan tambahan bagi membolehkan jawatan ini

mempercepatkan tugasnya, pihak rakyat juga mesti bekerjasama dengan jabatan ini sekiranya kita ingin mencapai matlamat menyempurnakan urusan ini dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Datuk Yang Dipertua, seperti yang telah saya katakan, Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1976 merupakan sesuatu yang amat penting kerana di tahun-tahun akan datang mestilah dijadikan suatu dasar tetap (*fixed policy*) dalam Dewan ini untuk menyelaraskan kewangan kita secara yang membolehkan kita mengekalkan Baki Hasil Am yang teguh di Negeri kita. Memang mudah bagi Kerajaan mengeluarkan wang dari Baki Hasil Am untuk mengimbangkan belanjawan yang dicadangkan. Akan tetapi Kerajaan telah memilih untuk membentangkan suatu belanjawan yang lebih realistik kerana peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang Perbekalan perlu dipertimbangkan bersekali dengan Anggaran Pembangunan yang akan dibentangkan dalam Dewan ini.

Sekiranya kita berhajat melengkapkan diri untuk mengekalkan usaha-usaha kita dalam pembangunan sosioekonomi, Kerajaan Negeri mestilah berupaya senentiasa menunaikan tanggungan-tanggungan untuk sebarang pinjaman daripada Kerajaan Pusat dan jaminan-jaminannya kepada agensi-agensi pembangunan seperti Pihak Berkuasa Air, Pulau Pinang dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang serta juga kepada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan bagi tanggungan-tanggungan pinjaman di masa hadapan yang mungkin dikenakan oleh agensi-agensi ini. Adalah melalui sistem pembiayaan secara pinjaman ini kita dapat mengharapkan penambahan kewangan yang lebih pesat untuk tujuan pembangunan di masa hadapan. Ini bererti bahawa kebolehan kita untuk mencapai kemakmuran masa depan bagi rakyat kita, bergantung kepada keazaman rakyat menanggung kewajipan-kewajipan kewangan yang dihadapi oleh Negeri ini.

Datuk Yang Dipertua, Kerajaan Negeri juga mestilah menjamin bahawa penggunaan wang yang disumbangkan oleh rakyat itu diarahkan dengan

baik dan cekap untuk meyakinkan pelaksanaan-peraksanaan yang akan menghasilkan satu masyarakat yang adil dan saksama. Sokongan rakyat terhadap Kerajaan sepertimana dibuktikan dalam pilihanraya yang lepas adalah menunjukkan keinginan rakyat untuk mewujudkan masyarakat yang adil dan saksama. Hasrat Kerajaan ialah untuk melaksanakan tugas-tugas untuk memenuhi cita-cita rakyat dalam Negeri kita ini.

Datuk Yang Dipertua, saya ingin mengambil peluang ini bagi mengucapkan terimakasih kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan Negeri kerana bekerja dengan tekunnya sepanjang tahun 1975. Saya yakin bahawa mereka akan terus bekerja kuat dan cekap lagi dalam tahun depan walaupun terdapat sekatan-sekatan yang sekarang ini dikenakan ke atas mereka akibat daripada kempen menjimat-cermat itu.

Datuk Yang Dipertua, saya juga ingin sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terimakasih kepada rakyat Negeri Pulau Pinang kerana sokongan mereka yang tidak berbelah-bahagi yang diberi kepada Kerajaan. Baharu-baharu ini Kerajaan telah menambahkan lagi tanggungjawab-tanggungjawab rakyat lebih daripada tanggungjawab-tanggungjawab mereka terhadap Jawatankuasa-jawatankuasa Muhibbah pada masa-masa lampau. Sesungguhnya Jawatankuasa-jawatankuasa Muhibbah ini telah memainkan peranan yang sangat cemerlang. Saya berharap tradisi Jawatankuasa Muhibbah ini akan terus dihidupkan lagi oleh mereka-mereka yang akan bertugas dalam Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung, Jawatankuasa Perhubungan Masyarakat dan Pertubuhan Rukun Tetangga yang telah dilancarkan di dalam Negeri ini baharu-baharu sahaja. Ternyata bahawa kita hanya boleh mencapai kejayaan yang lebih cemerlang lagi jika rakyat kita sentiasa sedar bahawa mereka bertanggungjawab untuk mengekalkan keamanan, keselamatan dan kesetabilan masyarakat di dalam Negeri Pulau Pinang.

Datuk Yang Dipertua, pada masa-masa lampau usaha-usaha rakyat pernah dipadu rapat dengan kerjasama Kerajaan telah membina satu asas yang kukuh bagi meluru ke masa hadapan bagi mencapai penghidupan yang lebih baik kepada rakyat kita. Kalau kita kekalkan semangat ini dan tetapkan kemajuan ekonomi yang telah kita capai di dalam Negeri ini, kita akan dapat mengatasi kekusutan kewangan dalam tahun 1976 ini. Rang Undang-undang Perbekalan 1976 ini adalah satu perkara yang penting dengan erti-kata ia akan memulakan asas induk bagi Negeri ini meneruskan usaha pembangunannya pada masa hadapan. Kita yakin bahawa rakyat Negeri Pulau Pinang akan terus memberi sokongan penuh kepada Kerajaan sepertimana pernah diberi oleh mereka pada masa-masa lampau dan kita juga yakin bahawa Kerajaan berupaya menggunakan punca-punca kewangan kita bagi menjadikan tahun 1976 sebagai tahun yang penuh cabaran dan juga sebagai satu tahun yang penuh kejayaan. Usaha-usaha kita dalam tahun 1976 akan menyempurnakan segala-gala yang telah tercapai di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan melengkapkan pula diri kita untuk satu pelancaran yang tegas ke arah tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga.

Datuk Yang Dipertua, saya memohon mengusul.

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Tan Gim Hwa): Datuk Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker: Dewan dibuka untuk dibahas.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Tuan Speaker, dengan izin. I request for adjournment of the House so that a copy of the Honourable the Chief Minister's speech can be given to us. It is quite a lengthy speech, Tuan Speaker. I wonder if the Chief Minister will accede to my request to allow us to read through his speech since it contains a lot of facts and figures. Yes, I am making a request to the Honourable the Chief Minister and I have not

got an answer. Since the members of the Press have the copies of the speech, I don't see why we can't be given a copy.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Ahli dari Bukit Mertajam yang betul saya tidak boleh mengundang Yang Amat Berhormat Ketua Menteri memberi salinan.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Saya tak minta Ketua Menteri, Tuan Speaker.

Tuan Speaker: Itu saya tidak boleh benarkan.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Kerana apa kalau dia tidak mahu bagi tidak apa.

Ketua Menteri: I could not reply because another member in the House was standing.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): But if I reserve my right to speak again I can give him a chance to speak.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya haraplah Setiausaha Dewan ini boleh mengelilingkan ucapan saya kepada semua Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini. Tetapi apa yang kita bahas bukan ucapan saya sahaja, kita bahas wang perbelanjaan tahun 1976, dan Kertas 14 dan lain-lain Kertas telah diperkelilingkan kepada semua Ahli Yang Berhormat lebih dua minggu dahulu dan bahawa anggaran-anggaran kepada Lampiran A yang ada telah diperkelilingkan.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): I remember, Tuan Speaker, last year we were given a copy of the Chief Minister's speech. But anyhow, if you feel that you don't want to give I do not want to beg.

Ketua Menteri: I have agreed to give.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): That is why I say if you want to give let us adjourn the House. Give us a least half an hour for tea since it is going to be tea-time. *(ketawa)*.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, itu lain perkara—satu masalah Datuk Yang Dipertua boleh menimbangkan. Sebab itu, permintaan hendak minum teh, itu lain perkara saya ingat. *(ketawa)*.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Tuan Speaker, what I am trying to say is that we on our part, our command of the Malay language is not that good as to understand what the Chief Minister was speaking. What we are asking is only half an hour to read through the speech. Tuan Speaker, bolehkah?

Dewan ditangguhkan pada jam 4.06 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 4.31 petang.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Tuan Speaker, izinkan saya bercakap tentang belanjawan yang telah dibentangkan dalam Dewan ini. Mula-mula sekali saya akan menyentuh tentang aspek hasil pendapatan. Dalam belanjawan yang lalu, Kerajaan Negeri memperolehi peruntukan sebanyak \$10 juta daripada Kerajaan Pusat. Akan tetapi dalam belanjawan tahun ini, nampaknya Kerajaan Negeri tidak akan menerima sebarang peruntukan dari pihak Kerajaan Pusat. Kita sedia maklum bahawa ekonomi serta kedudukan kewangan Negeri ini tidak begitu kukuh dan saya berpendapat bahawa kita perlukan peruntukan dari pihak Kerajaan Pusat kerana kedudukan pelaburan bebas Negeri ini sedang merosot. Ini adalah alasan-alasan yang lojik yang kita patut minta pihak Kerajaan Pusat supaya memberi peruntukan yang lebih banyak untuk menggantikan akan kemerosotan pelaburan bebas itu sambil mencegah *impact* akibat dari deprasi ekonomi yang sedang melanda Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, saya musykil yang kita dapat mencari sumber-sumber lain untuk mendapat hasil pendapatan bagi belanjawan ini. Penambahan hasil pendapatan secara menyeluruh atas jumlah pendapatan tahun 1975 bukanlah kerana sumber hasil bertambah, tetapi penambahan hasil yang timbul dari ang-

garan belanjawan atas tiap-tiap *item*. Tafsiran seperti ini adalah tafsiran yang sengaja dibesarkan beberapa kali. Contohnya, *item* di bawah Kod 7601 berkenaan dengan baki pungutan atas pembayaran cukai tanah, dalam tahun 1975 jumlahnya ialah \$180,000, tetapi tahun ini Kerajaan Negeri mengharap-kan kutipan cukai tanah itu sebanyak \$810,000. Itu tidakpun menjamin bahawa baki hutang itu akan dapat dikutip semuanya.

Tuan Speaker, *item* lain yang saya ingin ulaskan ialah tentang Kod 7203, muka 6 di bawah tajuk Search and Registration of Dealings. Anggaran pendapatan bagi tahun 1975, tahun ini, ialah \$600,000 dan anggaran belanjawan bagi tahun 1976 ialah \$800,000. Ini bermakna penambahan sebanyak \$220,000 atau 33 peratus. Sumber ini mempunyai satu langkah yang kurang bijak untuk membanyakkan hasil pendapatan Negeri. Pada masa yang lalu Kerajaan Negeri telah menaikkan kadar bayaran pertubuhan, setem, pendaftaran dan lain-lain. Malahan terdapat juga *quit rent* dikenakan atas setiap lot tanah dan perbuatan ini telah menyulitkan setiap tuan tanah.

Tuan Speaker, baru-baru ini pindaan mengenai Undang-undang Land Titles bagi tahun ini telah diluluskan dan akan dikuatkuasakan pada 1hb November, 1975. Di bawah pindaan ini, *private search* telah dinaikkan dari \$1 hingga \$3 atas *search* dalam *interim registration*. Ini tidaklah hairan tetapi yang hairan sekali Tuan Speaker, ialah *search* bagi *formal registration* yang telah dinaikkan dari \$2 ke \$20 satu *plot*. Ini setiap hari diperiksa dalam Pejabat Tanah. Tuan Speaker, this is a 100 per cent increase.

Tuan Speaker: Tolong minta kebenaran terlebih dahulu.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Dengan izin, Tuan Speaker. And I have been asked by many lawyers to make representation to the State Government and to appeal to the Chief Minister to look into this as this will cause a greater hardship to the people. There is no guarantee, Tuan Speaker, that a search can be completed in one day. According

to the amendment, if a search cannot be completed in one day, then for the next day we have to pay another \$20 per lot which makes a total of \$40 per lot just to make a search.

Tuan Speaker, ini bukan langkah yang bijak untuk mendapat hasil pendapatan tambahan. Kadar penambahan ini hanya akan mendorong supaya harga tanah ini melambung tinggi. Dalam aspek ini, Kerajaan tidak mengutamakan bantuan kepada rakyat, khususnya pada masa sekarang harga barang-barang keperluan sedang tinggi, and I sincerely hope the Government will take this into consideration for future budgeting.

Tuan Speaker, dari segi perbelanjaan, saya dapati setiap *item* memerlukan anggaran perbelanjaan yang bertambah terutama sekali anggaran perbelanjaan bagi lawatan dan pengangkutan kakitangan. Perbelanjaan di bawah *item* ini adalah tidak produktif langsung dan harus dihalusi oleh setiap Ketua Jabatan. Dan Tuan Speaker, perbelanjaan di bawah *Hospitality Fund* ditafsirkan sebanyak \$370,000. Saya ingin mengetahui untuk apakah anggaran perbelanjaan yang sebanyak ini ditunjukkan?

Tuan Speaker, dengan izin. As a matter of fact the question was raised by a Member of the Opposition recently: "For what purpose was this amount used?" But the Honourable the Chief Minister had replied that it was not in the public interest to answer that question; but since now this has been included in the item and according to my calculation it amounts to \$370,000, I hope that the Honourable the Chief Minister will enlighten me on this point.

Tuan Speaker, Perbelanjaan Perbelakalan telah bertambah sebanyak \$1.7 juta ke \$22.5 juta. Ini tidak selaras dengan dasar mengawasi perbelanjaan dengan rapi. Sebaliknya, perbelanjaan atas bunga, wang *dividend* dan hutang umum telah meningkat ke \$13.5 juta berbanding dengan \$10.5 juta dalam belanjawan tahun lalu. Dengan adanya jumlah perbelanjaan gaji sebanyak \$36 juta berbanding dengan \$30 juta bagi tahun 1975 dan \$26 juta bagi tahun 1974, menunjukkan pertambahan yang besar dalam perbelanjaan pihak Kera-

jaan yang mengakibatkan Ketua Menteri membentangkan satu belanjawan *deficit* sebanyak \$801,000. *Deficit* ini timbul setelah Kerajaan mengenakan cukai-cukai atas *item-item* yang tidak perlu dan jangkaan untuk mengutip hasil-hasil seperti kutipan tunggakan cukai. Oleh yang demikian saya berani menegaskan iaitu sebelum penghujung tahun ini Kerajaan Negeri tentu akan membentangkan satu atau dua Bil lagi untuk meminta pertambahan wang bagi perbelanjaannya.

Tuan Speaker, memandangkan belanjawan secara menyeluruh, nampaknya Kerajaan ini ialah sebuah Kerajaan yang condong dalam membelanjakan wang sebab \$4 juta lebih dari jumlah perbelanjaan tahun lalu telah dibelanjakan atas perkara-perkara yang tidak produktif dan seterusnya tidak mendapat hasil pendapatan yang bertambah. Musykil hendak mengisfatkan Kerajaan ini sebagai Kerajaan bijak serta berjimat-cermat khasnya Kerajaan ini masih dilanda wabak stagflasi. Sebagaimana yang dikatakan oleh Ketua Menteri, apabila menggunakan wang rakyat hendaklah digunakan atas perkara-perkara yang berfaedah dan bukan untuk membuat lawatan-lawatan atau pelancungan-pelancungan yang tidak berhasil serta perlu.

Dalam aspek ini, Ketua Menteri telah berbelanja dengan banyaknya kerana beliau telah melawat Australia sebanyak 3 kali sejak Pilihanraya yang lalu. Lawatan ini semata-mata membazirkan wang rakyat sahaja. Orang-orang Australia telah dihindangi oleh wabak pelancungan, yang direbak oleh Ketua Menteri kerana mereka akan mengadakan Minggu Adelaide di Pulau Pinang. Kita telah membazirkan wang sebanyak \$500,000 semasa Kerajaan mengadakan Minggu Pulau Pinang di Adelaide. Setahu saya tidak seorang pun penduduk Adelaide yang menceburkan diri dalam lapangan menjual satay atau kuay-teow goreng. Memang ada rancangan-rancangan lain untuk memupuk serta merapatkan perasaan muhibbah antara kedua-dua Negeri.

Tuan Speaker, apabila orang-orang Australia mengadakan Minggu Adelaide bulan depan, mereka akan membawa bersama perunding-perunding mereka.

Saya pasti kita tentulah terpaksa membelanjakan lebih banyak wang. Kita tidak mampu untuk berbuat begini pada masa sekarang. Sebenarnya, saya telah mengemukakan satu pertanyaan berkenaan dengan anggaran belanjawan atas lawatan rombongan Australia ini. Siapakah yang akan memikul jumlah perbelanjaan tersebut? Dan saya juga meminta pihak Kerajaan memberi butir-butir yang berkenaan mengenainya. Malangnya, Tuan Speaker, Tuan telah menolak pertanyaan saya dengan alasan bahawa perkara ini bukan suatu perkara yang ada di bawah bidang kuasa Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Incidentally, Tuan Speaker, I see under Written and Oral questions submitted by Yang Berhormat from Bagan Ajam, both these questions connected with the Adelaide Week in Penang were allowed. I want to know why my question on the same subject, Tuan Speaker, was disallowed.

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Pekan Bukit Mertajam, keputusan ini dibuat oleh saya dan saya tidak mahu menjawab. Dengan itu saya telah mengarahkan Setiausaha memberi jawapan kepada Ahli Yang Berhormat, jadi tidak payah ditanya lagi.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): What I want to stress, Tuan Speaker, is the discrimination shown against me.

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Pekan Bukit Mertajam, saya harap tarik-balik cakapan itu. Itu adalah keputusan saya.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Tuan Speaker, my question was rejected and a similar question from the Honourable Member from Bagan Ajam was allowed—the same question, Tuan Speaker.

Tuan Speaker: Saya tidak benarkan Ahli Yang Berhormat dari Pekan Bukit Mertajam berbahas dengan saya.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Baiklah. Sekiranya Tuan Speaker menolak pertanyaan tersebut atas dasar Anggaran Perbelanjaan masih belum diketahui,

ini adalah adil. Jika Yang Amat Berhormat Ketua Menteri enggan menjawab soalan ini siapakah yang akan menjawabnya? Adakah beliau akan mengarahkan Pengerusi Jawatankuasa memberi jawapan kepada pertanyaan itu? Ini adalah wang rakyat, dan Kerajaan akan menggunakan wang rakyat itu. Oleh yang demikian rakyat hendak mengetahui bagaimana wang itu digunakan, dan saya sebagai wakil rakyat menuntut jawapan itu.

Tuan Speaker: Soalan itu sudah dijawab. Saya ingat tidak perlulah Ahli Yang Berhormat menyebut-nyebut perkara itu lagi, dan Yang Amat Berhormat sudahpun menjawab. Saya tidak benarkan diulang-ulang lagi.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): As you please, Tuan Speaker. Saya ingin memberi ingat bahawa hutang umum berjumlah \$301 juta. Tuan Speaker, saya kuatir kadar perbelanjaan ini jika terus menerus begini, tidak lama lagi Negeri Pulau Pinang akan masuk kelab bankrap.

Tuan Speaker, Kerajaan harus mendirikan lebih banyak rumah-murah bagi golongan yang berpendapatan rendah dan bukan semata-mata menghantar orang-orang kesayangan keluar negeri untuk makan angin. Dalam tempoh 6 tahun yang lalu satu yunit rumah murahpun belum dibina. Bila saya sebutkan rumah murah ini tidak bermakna rumah murah yang didirikan oleh P.D.C. di kawasan Bayan Lepas dan Kawasan Bagan Serai. These houses are even beyond the reach of the middle-income group, let alone lower-income group. Dalam Persidangan yang lalu saya pernah menimbulkan perkara itu sambil merayu kepada pihak Kerajaan supaya membina rumah murah Peringkat Keempat di Berapit, Bukit Mertajam. Tetapi Pengerusi Jawatankuasa Pembinaan Rumah Murah—I hope you will take note of this—tidak hiraukan langsung. Peringkat Ketiga telah dibina di bawah pentadbiran Tan Sri Wong Pow Nee, tetapi Peringkat Keempat diketepikan oleh Kerajaan Gerakan lalu dan telah menemui nasib yang sama ditangan Kerajaan Barisan sekarang. Saya rasa mungkin Pengerusi Jawatan-

kuasa Pembinaan Rumah Murah tidak tahu di mana kawasan Berapit pun.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): I hope you will withdraw the statement.

Tuan Speaker: Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam, saya ingat dalam masa soal-jawab Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bertam telah memberi jawapan kepada soalan itu. Saya ingat tidak payah disebutkan berkenaan dengan perumahan murah.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): But, if I withdraw the statement, I hope you will take note of where Berapit is, at least. Give it some consideration.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): If you are nice I will take note.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): That is the sort of attitude that comes from a Chairman.

Tuan Speaker: Saya tidak mahu perkara semacam ini. Ahli Yang Berhormat sila jalankan. Kalau bercakap tujuhan kepada saya, jangan tujukan kepada sesiapa di dalam Dewan ini.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Tuan Speaker, he says I am not nice.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Point of clarification. Bolehkah give way for a point of clarification? Dengan izin. This is a debate and just now the question was asked and the answer was given. At a debate we have the right to express our opinions based on the answers given to the questions. But this is a different procedure altogether. The Honourable Members from Government can answer the question but we use the answers for the debate and express our opinion on the answers. And this we have every right to do. Thank you.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Tuan Speaker, dengan tulus ikhlas saya merayu kepada beliau supaya mendirikan rumah murah berdekatan dengan kawa-

san Berapit. Whether or not I am nice, please, it is for the public use of the house, not for my use. Mengapa kita mensia-siakan tanah simpanan yang begitu besar untuk tujuan tersebut dan tidak melaksanakannya. Terdapat permintaan mendesak untuk mendapat rumah murah, khasnya dalam gulungan berpendapatan rendah. Jika Kerajaan tidak mampu mendirikan rumah murah di kawasan itu saya bercadang lebih baik Kerajaan bagikan tanah simpanan ini bagi orang yang tidak bertanah supaya mereka dapat mendirikan rumah sendiri dan mereka akan bangga memiliki satu *plot* tanah dan sebuah rumah sendiri.

Ada satu kawasan lagi di mana penduduk-penduduk meminta supaya didirikan rumah murah ialah di Jalan Maklom atas tanah-tanah tebus-guna atau *reclaimed land* di Sungai Pinang, kawasan bandar. Tuan Speaker, permintaan untuk rumah murah telah menjadi satu perkara yang mendesak dan saya harap Pengerusi tersebut dan yang bertanggungjawab atas projek-projek ini tidak akan melalaikan tanggungjawabnya. Sebaliknya beliau patut mempertimbangkan perkara itu dengan bersungguh-sungguh.

Tuan Speaker: Yang Berhormat, saya sudah dengar Yang Berhormat bercakap berkenaan dengan rumah murah terlampau panjang. Boleh beralih kepada lain perkara?

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Sudah habis berkenaan perkara ini, Tuan Speaker.

Tuan Speaker, Kerja Raya Negeri ini telah diperuntukkan sebanyak \$73 juta—peruntukan yang terbesar sekali antara Jabatan Negeri. Jalan-jalan raya di bandar di Bukit Mertajam berkeadaan buruk sekali, Tuan Speaker. Kerja mengorek berlaku di hampir setiap jalan. Contohnya Jalan Tanah Liat, Jalan Kulim dan Jalan Megat Harun dan sebagainya. Jalan-jalan raya tersebut telah dikorek lima-enam bulan lalu. Saya hendak memberitahu Dewan ini kerana kerja mengorek tidak berhenti, orangramai telah menjadi mangsa. Kemalangan jalanraya selalu berlaku.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Dewan ini, dua orang telah terbunuh akibat tinggi-rendah Jalan Tanah Liat. Saya merayu kepada pihak yang berkuasa supaya mengambil langkah-langkah mencegah kemalangan itu sebelum nyawa-nyawa lain melayang.

Saya juga hendak menarik perhatian Ahli-ahli Dewan ini bahawa jalan-jalan di kawasan Berapit di mana rumah-rumah murah telah didirikan masih belum dibubuh minyak tar walaupun rumah-rumah tersebut telah dibina lima-enam tahun yang lalu. Mengapa didirikan rumah-rumah itu tanpa jalan-jalan yang sesuai? Penduduk-penduduk disitu susah juga hendak memandu di muka jalan-jalan tersebut. Mereka juga membayar cukai pintu, tentulah mereka berhak menggunakan jalan-jalan yang baik.

Selain daripada jalan-jalan yang tersebut di atas, terdapat lagi satu masalah tentang jalan-jalan di kawasan perumahan berdekatan dengan Stesyen minyak Caltex di Jalan Kulim, kawasan Bukit Mertajam. Rumah-rumah di kawasan ini telah siap dibina 12 tahun yang lalu. Akan tetapi jalan-jalan di kawasan ini masih belum dibubuh minyak tar. Penghuni-penghuni ini juga membayar cukai pintu dan sebagainya. Mengapa kemudahan asasi itu tidak diutamakan? Bila saya berjumpa dengan J.K.R., Pegawai berkenaan memberitahu saya jalan-jalan itu masih belum diserahkan kepada pihak J.K.R. oleh Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai. Dengan sertamerta saya pergi ke pejabat L.P.K.T. Butterworth, di mana satu perkara telah berlaku. Pegawai-pegawai berkenaan memberitahu saya fail berkenaan jalan-jalan di kawasan ini telah hilang. Tuan Speaker, sementara pihak J.K.R. dan pihak L.P.K.T. tolak-menolak, penghuni-penghuni di kawasan itu menjadi mangsa. Akhirnya saya dapat tahu perkara itu telah dirujukan kepada pihak Kerajaan Negeri untuk dipertimbangkan. Supaya satu keputusan muktamad dapat diambil, saya berharap Ahli-ahli Exco. tidak akan melupakan perkara itu.

Tuan Speaker, dalam ucapan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang lalu beliau telah mengatakan perbelanjaan bagi Kerja Raya dan Drainage and Irrigation bertujuan membekalkan perkhidmatan infrastructure asas istimewa di kawasan luarbandar. Langkah ini adalah selaras dengan prinsip-prinsip Dasar Ekonomi Baru yang menjadi panduan untuk membuat Anggaran Perbelanjaan tahun 1975. Jika Kerajaan berhasrat membantu penduduk-penduduk di luarbandar, haruslah diarahkan Pejabat Daerah supaya memberi *quarry-dust* kepada penduduk-penduduk luarbandar untuk meratakan jalan-jalan mereka. Di kawasan-kawasan ini seperti Bukit Kechil, Kampung Aston, Kampung Cross Street dan sebagainya keadaan muka jalan-jalan ini nampak sangat buruk dan susah juga bagi penunggang-penunggang motor-cycle melaluinya dengan selamat. Setiap tahun, Tuan Speaker, penduduk-penduduk di kawasan tersebut terpaksa memohon kepada Pejabat Daerah supaya membekalkan mereka *quarry-dust* untuk membaiki muka jalan-jalan ini. Seringkali Pejabat Daerah memberitahu ia tidak dapat peruntukan bagi maksud itu. Kalau begini bagaimana kita dapat membawa kemajuan kepada kawasan-kawasan itu dan bagaimana Kerajaan dapat memelihara *quality of life* di Pulau Pinang termasuk juga meningkatkan kebajikan sosial kita? Jika kemajuan tidak tercapai di luarbandar, maka prinsip-prinsip Dasar Ekonomi Baru adalah gagal.

Datuk Speaker, lagi satu perkara ialah in the Land Office. Di bawah seksyen 4 dan seksyen 8 of the Land Acquisition Act pihak Kerajaan boleh menyiarkan hasratnya dalam Akhbar Rasmi Kerajaan untuk mengambil tanah, akan tetapi seksyen 4 atau seksyen 8 tidak dimasukkan ke dalam Interim Register di Pejabat Tanah. Adakah benar tanah yang akan diambil telah disiarkan dalam Akhbar Rasmi Kerajaan, tetapi berapa keratakah orang membaca Akhbar Rasmi Kerajaan (Government Gazette)? Sebelum berkuatkuasa Undang-undang Tanah Kebangsaan (National Land Code), segala tanah yang akan diperolehi adalah dimasukkan ke dalam

buku-buku Mukim dengan tidak adanya alasan munasabah mengapa pemberitahu untuk tanah yang akan diperolehi Kerajaan tidak boleh dimasukkan ke Interim Register.

